

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 154 ● 18 - 24 FEBRUARI 2022 ● PP19441/12/2018 (035014) PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Tuntaskan segera siapa sebenarnya pengasas Kuala Lumpur

BERSEMPENA dengan Sambutan 50 tahun Bandar Raya Kuala Lumpur, Kolumnis Wilayahku menggesa pihak berkuasa untuk menuntaskan segera secara fakta, siapakah pengasas sebenar Kuala Lumpur.

Ku Seman Ku Hussain dalam tulisan terbarunya diruangan Catatan Kota Batu menyatakan Sutan Puasa dan Yap Ah Loy merupakan dua nama besar yang sangat dominan dengan Kuala Lumpur.

Kepentingan British pada suatu ketika dahulu mengangkat Yap Ah Loy sebagai pengasas Kuala Lumpur namun tidak boleh menolak bahawa Sutan Puasa juga mempunyai hak daripada sudut sejarah berdasarkan beberapa fakta hasil penyelidikan ilmiah terkini.

Ku Seman yang juga bekas Pengarang Mingguan Malaysia menegaskan sikap berdiam diri pihak berkuasa

pada fakta-fakta yang disokong kukuh oleh penyelidikan dan tahap ilmiahnya adalah tidak adil kepada sejarah.

Kerajaan menurut beliau perlu mengambil langkah proaktif serta berlapang dada dalam menjernihkan semula fakta penuhnya bandar Kuala Lumpur kerana ketepatan sejarah adalah kepentingan rakyat negara ini.

BACA LANJUT CATATAN KOTA BATU MUKA 6

Persatuan Penjaja Melayu Kuala Lumpur Kartel lesen isu lapuk

PENGUMUMAN Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang membentarkan penganjuran bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri melegakan golongan peniaga dan penjaja kecil di seluruh negara khususnya di Kuala Lumpur.

Sejak ia mula dibuka kembali pada tahun lalu dengan kawalan keselamatan dan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat, ia tidak menghalang orang ramai untuk meluangkan masa bahkan sanggup beratur panjang untuk memasuki kawasan bazar Ramadan dan bazar Hari Raya demi mencari kelengkapan bagi memeriahkan Sambutan Hari Raya.

WAWANCARA PENUH DI MUKA 12, 13

Isu 'kartel' lesen bazar Ramadan yang hangat diperkatakan sebelum ini telah lapuk ekoran pelaksanaan sistem permohonan terus serta undian tapak yang dilakukan sekali gus berjaya mengatasi masalah tersebut sejak bertahun-tahun lalu.





SHAHIDAN (belakang, tiga dari kiri) menyaksikan pertukaran cenderamata antara kerajaan Malaysia dan Brunei sempena lawatan rasmi dua hari Perdana Menteri ke negara tersebut.



SULTAN Brunei Sultan Hassanal Bolkiah bertitah pada Majlis Persantapan sempena lawatan rasmi Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di Istana Nurul Iman pada Selasa.

Shahidan iring PM lawatan rasmi ke Brunei

MENTERI Wilayah Persekutuan **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang melakukan lawatan rasmi dua hari ke Brunei Ahad lalu.

Ini merupakan lawatan rasmi pertama ke Brunei sejak Ismail Sabri dilantik Perdana Menteri Ogos tahun lalu.

Dalam lawatan tersebut, Ismail

bersama rombongannya diperkenan menghadap Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah di Istana Nurul Iman di Bandar Seri Begawan.

Pada sesi menghadap itu, Perdana Menteri turut diiringi Shahidan, Menteri Luar Datuk Seri Saifuddin Abdullah, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Datuk Raja Raja Zain Shah ke

Brunei.

Ismail Sabri kemudian mendakwa pertemuan empat mata kira-kira setengah jam bersama Sultan Hassanal Bolkiah.

Beliau berkata, antara yang dibincangkan termasuk mengenai Laluan Perjalanan Vaksin (VTL) melalui udara antara Malaysia dan Brunei.

Kata beliau, ini termasuk meneroka kerjasama baharu pasca

COVID-19 dan pengukuhan kerjasama dalam bidang ekonomi.

“Setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, malam tadi, saya diberi sambutan rasmi dan perbarisan hormat daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

“Semoga lawatan ini membawa manfaat kepada Keluarga Malaysia dan rakyat Brunei,” katanya menerusi Twitter beliau hari ini.

Pertemuan akan disusuli dengan Majlis Santapan Rasmi yang akan dihoskan Seri Paduka Sultan Brunei dan Perdana Menteri juga bakal menghadiri sesi pertemuan bersama diaspora Malaysia di Bandar Seri Begawan.

Lawatan ini dirancang dan dikendalikan berdasarkan tatacara prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan Malaysia dan Brunei. **WK**

Penyanyi rock puji kepantasan Skuad Penyelamat DBKL



PENYANYI rock Aweera memuji usaha pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang sentiasa peka dengan masalah yang dihadapi oleh warga Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di Kuala Lumpur.

Pemilik nama sebenarnya Nasharul Aweera Norhissham, 30, mengaku sering terdengar aduan daripada masyarakat tentang masalah yang dihadapi oleh mereka.

Antara masalah yang sering dihadapi adalah kererosakan lif yang berulang, jalan rosak serta berlubang yang menjadi ‘mimpি buruk’ buat warga PPR/PA.

“Kadang-kadang saya ada mendengar luahan rasa warga PPR merentasi laporan media. Masalah-masalah yang dihadapi sedikit sebanyak menganggu perjalanan atau aktiviti harian mereka.

“Iyalah, bayangkan kal-

au lif sentiasa rosak berulang-ulang, takkan penduduk nak turun tangga lebih-lebih lagi mereka yang tinggal di tingkat yang tinggi.

“Macam mana pula dengan waraga emas atau yang tidak sihat, sudah tentu lif rosak akan membebankan aktiviti sehari-hari mereka.

“Begitu juga apabila terdapat jalan-jalan yang berlubang. Bagi saya, ia boleh menyebabkan kemalangan apatah lagi apabila tiba waktu malam,” ujarnya.

Dalam masa yang sama, Aweera memuji tindakan Skuad Penyelamat DBKL yang pantas bertindak demi kepentingan penduduk.

“Bukan saja saya, tetapi ramai yang memuji pihak berwajib yang peka dengan masalah atau aduan daripada penduduk. Tindakan pantas mereka adalah satu ‘rahmat’ buat warga PPR/PA.

“Pun begitu, warga PPR juga harus sentiasa memberi kerjasama kepada pihak berwajib agar komunikasi hala berterusan,” tambah pelantun lagu Romancinta dan Terhakis ini.

Dalam perkembangan lain, Aweera yang juga peserta Gegar Vaganza musim kelapan akan muncul dengan lagu baharu tidak lama lagi. **WK**



Kemalangan rugut nyawa warden trafik DBKL ketika pulang kerja

TAKZIAH diucapkan kepada keluarga Allahyarham Aizad Afiq Mosthaffa Pembantu Penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang maut selepas motosikal ditunggangnya melanggar kereta di Jalan Yaacob Latiff, Bulatan Cheras Isnin lalu.

Mangsa yang bertugas sebagai warden trafik DBKL sejak 2019 dalam perjalanan pulang ke rumah selepas habis kerja kira-kira pukul 11.40 malam.

Timbalan Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatuasaan Trafik Kuala Lumpur, **Superintendent Zulkafli Che Lah**, berkata siasatan awal mendapati mangsa yang berusia 26

tahun tidak sempat mengelak sebuah kereta memblok di persimpangan lampu isyarat Jalan Yaacob Latiff.

Katanya, kereta berkenaan memblok ke kanan dan mangsa yang datang dari arah bertentangan tidak sempat mengelak.

“Akibat pelanggaran itu, mangsa mengalami kecederaan parah di bahagian kepala.

“Mangsa disahkan meninggal dunia oleh anggota paramedik di tempat kejadian,” katanya.

Beliau berkata, saksi kejadian diminta membantu siasatan dengan menghubungi Balai Polis Trafik Jalan Tun H S Lee di talian **03-2071999** atau hotline **03-20260267/69**. **WK**

Golongan muda harus lengkapkan diri, bersiap sedia

Isi 'vakum' kepimpinan pelapis negara

AZLAN ZAMBRY

PEMIMPIN kerajaan dan golongan muda harus berganding bahu bagi mencari kaedah untuk mengatasi 'vakum' dalam kepimpinan pelapis di semua sektor dalam negara.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata, jurang tersebut kini agak besar dan menyukarkan peluang kepada golongan itu untuk mengisi vakum tersebut.

"Kalau kita lihat, vakum yang saya maksudkan ialah kepimpinan negara pada sekitar 22 tahun lalu tanpa ada pengisian yang baru. Maksudnya kalau ada individu pemegang jawatan Menteri Besar (MB), maka ia akan pegang selama 22 tahun. Kalau pemimpin itu wakil rakyat, maka dia akan menjadi wakil rakyat 22 tahun."

"Jadi kalau itu berlaku, maka akan berlaku satu vakum yang besar terhadap urusan pentadbiran ne-



JALALUDDIN (tengah) bergambar bersama urusetia Konvensyen Anak Muda Wilayah Persekutuan 2022 selepas perasmian program pada Ahad.

gara, kerajaan atau yang berkaitan dengan perniagaan dan kita sukar melihat mana-mana tokoh anak muda yang menjawat jawatan penting sama ada di peringkat kerajaan dan swasta," katanya dalam sidang media selepas merasmikan Konvensyen Anak Muda Wilayah Persekutuan

2022 di Menara Shaftbury Putrajaya Ahad lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Rakan Muda, Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), Azura Sarbin.

Menurut Jalaluddin, perkerja tersebut tidak boleh dibenarkan

berlaku kerana ia merupakan bom jangka yang akan menjadi masalah besar kepada generasi akan datang.

"Anak muda kena memainkan peranan daripada sekarang supaya vakum ini dapat diatasi fasa demi fasa dan tidak dibiarkan dari terus berlaku.

"Mereka harus bersedia dan lengkapkan diri untuk mengambil alih pentadbiran negara, kepimpinan kerajaan termasuk dalam sektor korporat pada masa depan," katanya.

Ditanya mengenai terdapat cadangan mengehadkan kepada tempoh tertentu untuk pemegang jawatan di dalam kerajaan atau politik, beliau menegaskan bahwa itu bukanlah keputusannya untuk memutuskan demikian.

Jelasnya, perkara itu akan datang secara tidak langsung apabila ada sekumpulan golongan muda yang telah bersedia untuk menggalas tanggungjawab serta mengisi posisi penting.

"Saya fikir ia akan berlaku (per-

ihan kepimpinan) tanpa ada desakan atau tekanan kepada pemegang sesuat jawatan.

"Sebagai contoh, di Parlimen Jelebu, saya mengharapkan agar sudah ada generasi pelapis untuk mengisi kedudukan yang ada pada hari ini.

"Malah saya sendiri tidak terfikir pada masa akan datang, ketika masih menduduki kerusi di Dewan Rakyat pada umur 75, 80 mahupun 97 tahun," katanya.

Ujarnya, beliau memerlukan seorang sama ada suka atau tidak untuk bersedia mengisi kerusi yang didudukinya sekarang.

"Bagaimana untuk mengisi kerusi itu nanti, mereka perlu melengkapkan diri dari sekarang.

"Bukan setakat mewarisi kerusi itu, saya mahu ia diisi oleh anak muda yang berkaliber, berwibawa dan mampu meneruskan aspirasi serta boleh memimpin kawasan itu supaya menjadi lebih baik dan membangun," katanya. **WK**

DBKL, JAKIM anjur Forum Perdana Dirgahayu Wilayahku sempena Jubli Emas

FORUM Perdana Ehwal Islam bertajuk Dirgahayu Wilayahku bersempena dengan Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur di Dewan Mestika, Institut Latihan DBKL, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Panel Jemputan terdiri daripada Sahibus Samahah Prof Madya Datuk Arif Perkasa Dr Mohd Asri Zainul Abidin, Prof Madya Datuk Dr Mohd Izhar

Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.



Ariff Mohd Kashim dan Datuk Badli Shah Alauddin.

Antara hadirinya adalah Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, Ketua Setiausaha KWP Datuk Seri Hajah Rosida Jaafar, Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Mahadi Che Ngah dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan Datuk Zajzalnizam Zainun. **WK**



SHAHIDAN dan Datuk Bandar tekun mendengar ceramah yang disampaikan oleh panel jemputan. Turut kelihatan Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar (kanan sekali) dan isteri Menteri Wilayah Persekutuan Datin Seri Shamsiah Md Yassin.



10 usahawan muda terima kios program UAMK di Putrajaya

SABRINA SABRE

PERBADANAN Putrajaya (PPj) mempertingkatkan lagi usaha dalam memperkasakan usahawan muda dengan penyerahan sebanyak 10 buah kios perniagaan kepada mereka yang layak menerima Program Usahawan Anak Muda Kota (UAMK) Putrajaya baru-baru ini.

Menurut Pengarah Komunikasi Korporat PPj, **TPr Norzita Abdul Razak**, Mini Karnival UAMK Putrajaya yang berlangsung pada 12 dan 13 Februari 2022 itu bertujuan memamer dan mempromosikan UAMK Putrajaya di samping membantu, menyokong perkembangan dan pemulihian ekonomi penjaja kecil Putrajaya yang terkesan akibat pandemik.

"Enam kios telah ditempatkan di Medan Selera Presint 9 manakala empat unit lagi di Souq, Presint

1 Putrajaya.

"Pelbagai pengisian telah dirancang antaranya mini pameran UAMK, jualan barang makanan dan keperluan, Program 3R dan pengumpulan baju terpakai, jualan Kombi, pertunjukan dan Pertandingan Kenderaan Klasik dan BMX, Pertandingan Gubahan Tuala dan Tembikan antara Sub Zon MPPWP Putrajaya, cabutan bertuah serta persembahan 'buskers'.

"Kesemua kios ini akan mula beroperasi bermula Mac 2022 dan bagi merancakkan lagi program UAMK Putrajaya pada tahun ini, PPj akan menyediakan lagi tambahan 10 kios baharu yang bakal disiapkan pada akhir tahun ini dan 16 lagi kios pada tahun 2023," katanya.

Di samping itu, Norzita turut maklumkan program UAMK Putrajaya telah menerima sambutan menggalakkan daripada para usahawan yang bukan sahaja ter-

diri daripada penduduk Putrajaya malah mereka yang menetap di kawasan berhampiran sejak pengumannya pada Julai 2020 lalu.

"Walau bagaimanapun, keutamaan tetap diberikan kepada warga Putrajaya khususnya golongan belia berusia 18 hingga 35 tahun dan kepada mereka yang hilang perkerjaan dan aktiviti perniagaan akibat kesan pandemik COVID-19.

"Program di bawah inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) ini telah memasuki tahun ketiga dan telah banyak memberi manfaat kepada anak muda yang menyertainya.

"Antara usahawan yang telah ditawarkan di bawah program UMK seperti Akie Burger, Takoyaki Bro, Aris Burger, Apam Balik Seri Menanti, kios runcit, kios francais Cheese-U dan Smail Cheese di Persiaran Perdana," ujar Norzita. **WK**



NAIB Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj, Nik Shukri Nik Soh; Pengarah Bahagian Pelepasan PPj, Jeffri Mustapa (kiri) bersama usahawan muda yang menerima kios baharu pada program Usahawan Anak Muda Kota (UAMK), di Medan Selera Presint 9, Putrajaya.

COVID-19: Program SHWP 2022 di Labuan ditangguhkan

KHAIRUL IDIN

KESEMUA program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) di pulau ini ditangguhkan serta merta susulan peningkatan kes jangkitan COVID-19.

Perbadanan Labuan (PL) dalam satu kenyataan berkata, penangguhan itu dibuat susulan pulau ini berdepan peningkatan kes jangkitan COVID-19 secara mendadak ketika ini.

“PL setelah mengambil maklum keputusan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim yang memutuskan agar semua program SHWP 2022 di Labuan ditangguhkan sejurus merta sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Sementara itu, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias**, berkata

penangguhan itu dibuat berikutan kadar kebolehjangkitan (Rt) di Labuan adalah yang paling tinggi di negara ini seperti diumum Kementerian Kesihatan (KKM).

“Berikut itu, pelbagai program yang sudah disusun sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan di Labuan terpaksa ditangguhkan sementara. Antaranya Kenduri Wilayah Persekutuan, Pertandingan Tarian Zapin, Citra Budaya Muzikal, Pertandingan ‘Battle Of The Band’ dan Pertandingan Memancing Pesisir Pantai.

“Kita harap penduduk di Labuan lebih berhati-hati dan mengambil pendekatan lebih serius bagi memastikan COVID-19 dapat dikawal dan dicegah daripada terus merebak,” katanya.

Terdahulu, Labuan mencatatkan kebolehjangkitan dengan nilai 2.17 tertinggi pada Sabtu lalu. **WK**



CERITA  **KEDAI KOPI**



Usah cemar Tasik Titiwangsa

RAKAN-RAKAN Kedai Kopi telah mendengar rungutan daripada orang ramai yang berkunjung ke pusat rekreasi Taman Tasik Titiwangsa mengenai gerai-gerai penjaja yang menganggu keselesaan pengunjung kerana didirikan di kawasan parkir dan lalu-lalang pengunjung.

Untuk itu rakan-rakan Kedai Kopi membuat tinjauan di kawasan Taman Tasik Titiwangsa baru-baru ini untuk menyaksikan sendiri kebenaran dakwaan orang ramai itu.

Berdasarkan pemerhatian, benarlah ramai berniaga dengan mengambil ruang parkir yang dikhaskan untuk orang ramai. Dari awal pagi mereka sudah membuka kanopi atau food truck menjual pelbagai jenis makanan. Ini berlanjut hingga ke malam.

Selain itu, kelihatan di kawasan parkir itu kanopi yang ditinggalkan dan tidak dikemas serta disimpan dengan rapi. Dipercayai ini adalah milik para penjaja yang berniaga di sebelah malam dan kemudian membiarkan kanopi tersebut memenuhi ruang parkir tanpa disimpan.

Siapakah para penjaja ini? Adakah mereka penjaja berlesen atau main pacak kanopi dan food truck sahaja? Adakah mereka penjaja yang menyertai Inisiatif Wilayah Bebas Beriaga (IWBB)?

Jika begitu, amat tidak bertanggungjawab perbuatan mereka. Benar IWBB untuk memberi peluang warga kota berniaga dengan kaedah dipermudah. Mereka boleh berniaga di lokasi pilihan dengan syarat memiliki lesen dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Namun ada beberapa syarat lain ditetapkan oleh DBKL yang mesti dipatuhi. Antara yang penting ialah penjaja tidak boleh menganggu pergerakan orang ramai, tidak boleh menghalang kawasan parkir serta mesti menjaga kebersihan sepanjang masa.

Terapai apa yang berlaku di Taman Tasik Titiwangsa adalah sebaliknya. Penjaja menghalang kawasan parkir yang seterusnya menganggu pergerakan orang ramai, termasuk untuk lalu-lalang atau berjoging.

Kebersihan pula tidak diambil peduli. Banyak sampah-sarap dibuang atau dibiarakan sahaja terkumpul di kawasan berniaga sehingga menjelekkan pemandangan.

Sepatutnya selepas berniaga, kanopi atau meja hendaklah dilipat dan disimpan. Begitu juga sampah-sarap dikumpul dan dibuang agar tidak mengotorkan persekitaran.

Namun ini semua tidak dilakukan. Jika mereka yang terlibat ini adalah penjaja di bawah IWBB, jelas mereka telah melanggar syarat ditetapkan. Kerana itu pihak DBKL berhak membatalkan lesen mereka dan mengambil tindakan lain sewajarnya.

Kawan-kawan Kedai Kopi kesal kerana setelah diberi peluang berniaga, mereka yang terlibat tidak menggunakan peluang dengan sebaik-baiknya serta tidak mematuhi syarat ditetapkan. IWBB bukan skim di mana peniaga boleh berbuat sesuatu hati.

Kepada para penjaja semua, jadilah kelompok yang bertanggungjawab mematuhi peraturan. Amalkan disiplin dan sentiasa prihatin dengan suasana serta kebersihan sekitar. Jangan hanya mementingkan diri sendiri. Jaga sama sensitiviti orang ramai.

Taman Tasik Titiwangsa adalah kawasan tumpuan awam untuk rekreasi dan beriadah bersama keluarga. Kebersihan dan keindahannya mesti sentiasa dipelihara. Jangan dicemarkan pemandangan kawasan indah itu kerana perbuatan segelintir penjaja tidak beretika.

Kerana itu diharapkan pihak DBKL akan sentiasa memantau persekitaran taman tasik berkenaan sepanjang masa. Tindakan tegas mesti diambil terhadap mereka yang mencacatkan pemandangan taman tasik serba indah itu.

Tawaran penyewaan premis milik DBKL

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah mengumumkan sebuah Pakej Kesejahteraan Keluarga Malaysia Kuala Lumpur (PKKMKL) sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Bandar Raya Kuala Lumpur

pada 5 Februari yang lalu. Antara inisiatif di bawahnya adalah pembinaan 5,000 *council home* yang bertujuan menyediakan unit kediaman yang selesa dengan kadar sewaan yang berpatutan untuk

warga kota.

Anda boleh teliti fasiliti yang tersedia dan syarat-syarat permohonannya melalui infografik di bawah.

Tarikh tutup permohonan adalah pada 21 Februari 2022.

Pemindas QR Code untuk memohon atau layari: <https://forms.gle/zGUwGVIB3AtUTHyq6>





COUNCIL HOME

UNTUK DISEWAKAN, MURAH

Residensi Sungai Udang, Segambut



WILAYAH MALAYSIA

IMBAS QR CODE UNTUK MOHON

Rujukan permohonan boleh dibuat secara manual di Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta DBKL

TARikh TUTUP PERMOHONAN: 21 FEBRUARI 2022





COUNCIL HOME

SYARAT PERMOHONAN

 WARGANEGARA MALAYSIA (permohon dan pasangan sekiranya berkahwin)	 TIADA KEDIAMAN SENDIRI di Kuala Lumpur
 18+ Berusia 18 TAHUN ke atas	 BEKERJA di Kuala Lumpur
 Pendapatan isi rumah RM3,000-RM10,000 sebulan	 Tidak disenarai hitam/BANKRAP
 TIADA REKOD jenayah	 Keutamaan kepada yang BERKELUARGA ATAU BALU/DUDA/JANDA yang mempunyai tanggungan
 Pemohon TIADA BOLEH MENUNTUT KOS PEMINDAHAN daripada DBKL	

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambry
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Rosnidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer6@gmail.com

Sabrina Sabre

sabrinawilayahku@gmail.com

Hazirah Halim

hazirahwilayahku@gmail.com

Diana Amir

dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com

Fauzi Taib

adhamfaizi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan

aminwktv@gmail.com

Nooreeza Hashim

nooreezahashimwilayahku@gmail.com

Muhammad Syuqqree Mohd Dain

syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir

fatihah@yayasanwp.org.my

Nurul Hazwani Haslan

nhmm8686@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi

roslee@yayasanwp.org.my



Tembok yang bercerita



SYUQQREE MOHD DAIN

MURAL atau pun graffiti merupakan satu bentuk seni visual yang sering dilakukan di tempat awam ataupun tembok dan ruang-ruang yang kosong. Ia

juga merupakan salah satu cara seseorang artis berkomunikasi dan meluahkan perasaan.

Kadangkala graffiti ataupun mural ini disalah anggap sebagai satu bentuk vandalisme namun ia semakin popular serta diterima oleh masyarakat di seluruh dunia.

Di samping itu, seni visual yang juga dikenali sebagai 'street art' ini juga sudah tidak

asing lagi bagi bandar raya Kuala Lumpur.

Antara lokasi wajib dikunjungi bagi melihat sendiri mural dan graffiti yang dihasilkan oleh artis-artis tempatan di sekitar Kuala Lumpur merupakan Jalan Raja Chulan, Jalan Panggung, Lorong Kwai Chai Hong, Jalan Raja, Jalan Hang Kasturi dan Jalan Alor. **WK**



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

18 - 24 FEBRUARI 2022

Wilayah Ku
MEDIA WARDA KOTA

Betulkan sejarah Kuala Lumpur

YAP Ah Loy atau Sutan Puasa? Ini bukan persoalan baharu tetapi telah lama kedengaran dalam kalangan pengkaji sejarah. Nama Yap Ah Loy memang sangat dominan dengan Kuala Lumpur.

Dia mendapat sokongan penjajah British yang mempunyai kepentingan di atas perlombongan bijih timah di Kuala Lumpur.

Siapa Sutan Puasa? Ini sosok yang penting dalam sejarah Kuala Lumpur. Pemimpin masyarakat Mandailing yang datang dari Sumatera ini sudah lama wujud dalam catatan sejarah sebagai individu yang mengasas Kuala Lumpur. Bagaimanapun, namanya gugur sebagai pengasas Kuala Lumpur kerana manipulasi British untuk mendapat sokongan Yap Ah Loy.

Sejarah bukan benda mati. Sejarah adalah suatu yang dinamik dan apabila ditemukan fakta-fakta terkini yang kukuh, perlu diteliti kesahihannya.

Fakta baharu tidak wajar dimusuhi, tetapi dipastikan ketulenan dengan penyelidikan dan kajian. Dinamiknya sejarah adalah sedia menerima fakta baharu sebagai menggantikan yang sebelumnya.

Mengambil sikap berdiam diri pada fakta-fakta yang disokong kukuh oleh penyelidikan dan tahap ilmiahnya adalah tidak adil pada sejarah. Bukti-bukti baharu kelihatan mempunyai asas kukuh menolak Yap Ah Loy sebagai pengasas Kuala Lumpur.

Maka kerajaan tidak ada pilihan kecuali mengambil sikap yang proaktif – berlapang dada kalau ada keperluan sejarah Kuala Lumpur ditulis semula.

Kepentingan sejarah ketika British mengangkat Yap Ah Loy sebagai pengasas Kuala Lumpur tidak sama dengan pentingnya sejarah itu pada Kuala Lumpur pada abad ke-21 ini.

Kepentingan penjajah British terhadap Kuala Lumpur sudah menjadi tidak relevan. Malah melihat semula sejarah Kuala Lumpur bukan sebuah konspirasi untuk kepentingan mana-mana pihak.

Ketepatan sejarah adalah kepentingan semua rakyat negara ini. Apa lagi berkaitan dengan sebuah ibu negara. Ketepatan sejarah menunjukkan sikap rakyat dan kerajaan terhadap sesuatu peristiwa.

Februari ini adalah sejarah bagi Kuala Lumpur. Pada Februari ini 50 tahun lalu Kuala



SIAPA pengasas Kuala Lumpur sama ada Sutan Puasa atau Yap Ah Loy? Menurut penulis "Permurnian sejarah Kuala Lumpur mesti bermula sekarang. Tidak perlu menunggu setengah abad lagi untuk mula bercakap atau berhujah mengenai pengasas Kuala Lumpur." - Gambar internet

Lumpur teranjak sekali gus melakarkan sejarah buat pertama kali ibu negara berstatus 'bandar raya'.

Ini peristiwa besar yang melonjakkan nama Kuala Lumpur di persada antarabangsa, khususnya di Asia Tenggara ketika itu.

Status bandar raya perlu dilihat sebagai pencapaian ibu negara bekas tanah jajahan British yang baru 13 tahun mencapai kemerdekaan.

Menjadi sebuah bandar raya pula secara tidak langsung membawa Kuala Lumpur melebar di peta dunia. Kuala Lumpur meninggalkan Singapura yang sebelum itu jauh lebih dikenali di peringkat antarabangsa.

Sejak 50 tahun lalu juga Kuala Lumpur mengorak maju sebagai ibu kota pentadbiran kerajaan persekutuan.

Pada masa yang sama menjadi pusat perdagangan ternama di rantau sebelah sini. Kuala Lumpur menjadi setanding malah ada kalanya jauh lebih berkembang berbanding beberapa bandar raya di Asia Tenggara.

Maknanya sejarah kewujudan Kuala Lumpur itu sama penting dengan keberadaannya pada hari ini. Maka sejarah Kuala Lumpur tidak boleh dipandang ringan kerana bandar raya ini berkembang dengan proses tindak balas alam dan manusia yang semula jadi.

Daripada sudut sejarahnya Kuala Lumpur bermula petempatan pelombongan bijih timah oleh pelombongan dari China dan juga masyarakat Mandailing.

Walaupun banyak yang mengungkapkan perlombongan dikerjakan oleh pelombongan dari China, hakikatnya orang

Mandailing juga menjadikan Kuala Lumpur pusat perlombongan.

Pembangunan Kuala Lumpur menjadi semakin terancang apabila pada 1 Januari 1974 Kuala Lumpur menjadi Wilayah Persekutuan yang pertama dan ditadbirkan oleh kerajaan persekutuan.

Wilayah Persekutuan kemudiannya berkembang menjadi tiga dengan kemasukan Labuan dan Putrajaya.

Tetapi siapakah sebenarnya yang membuka Kuala Lumpur? Yap Ah Loy atau Sutan Puasa? Selepas ditemukan banyak fakta sejarah yang baharu, Yap Ah Loy bukan lagi satu-satunya yang dikaitkan sebagai pengasas Kuala Lumpur.

Sutan Puasa juga mempunyai hak daripada sudut sejarah berdasarkan beberapa fakta hasil penyelidikan ilmiah.

Mengambil sempena 50 tahun sebagai bandar raya, sejarah pembukaan Kuala Lumpur mesti dibetulkan.

Walaupun hakikatnya membentulkan sejarah yang tidak tepat bukan satu kerja mudah, tetapi tidak ada pilihan melainkan mulakan usaha memurnikan sejarah penting milik ibu negara kita.

Itu bukanlah suatu yang menghairankan kerana telah beratus tahun kalau diambil zaman awal Kuala Lumpur, rakyat ditanam dengan fakta bahawa Yap Ah Loy pengasas Kuala Lumpur.

Tidak ada peluang untuk menentukan kesahihan kerana semuanya di tangan British.

Bagaimanapun selepas negara kembali kepada anak watan, sikap sesetengah pihak terhadap manipulasi British juga sangat mengecewakan.

Pemikiran yang terjajah

“ Maknanya sejarah kewujudan Kuala Lumpur itu sama penting dengan keberadaannya pada hari ini. Maka sejarah Kuala Lumpur tidak boleh dipandang ringan kerana bandar raya ini berkembang dengan proses tindak balas alam dan manusia yang semula jadi. ”

menjadi pemangkin sejarah pengasas Kuala Lumpur tidak dibahaskan selepas negara mencapai kemerdekaan pada 1957. Ini menunjukkan sikap sebenar dalam kalangan kita terhadap sejarah negara.

Maka buku Sutan Puasa Founder of Kuala Lumpur yang ditulis oleh Abdur Razzaq Lubis beberapa tahun lalu boleh dijadikan asas kukuh untuk melihat semula fakta sejarah pembukaan Kuala Lumpur. Buku ini dihasilkan dengan penyelidikan dan kajian yang sangat komprehensif.

Kalau selama ini ada pihak memberi alasan tidak ada asas dari manakah hendak bermula, kini sudah ada asasnya. Bergeraklah mencari kejernihan daripada fakta daripada yang dipaparkan penulis buku ini.

Walaupun kita tidak boleh menerima secara melulu semua fakta dalam buku ini, tetapi mengabaikan tanpa meneliti adalah sikap yang tidak intelektual dan antisejarah.

Usaha menjernihkan fakta sejarah Kuala Lumpur bukanlah bertujuan menolak secara melulu kedudukan Yap Ah Loy sebagai pengasas Kuala Lumpur.

Tetapi dengan keberadaan buku ini, kita mempunyai ruang untuk membandingkan antara dua fakta yang bertentangan mengenai pengasas Kuala Lumpur.

Untuk terus meletakkan Yap Ah Loy sebagai pengasas Kuala Lumpur, semua pihak mesti bersepakat mengatakan fakta dalam buku Sutan Puasa Founder of Kuala Lumpur tidak betul.

Bukan setakat mengatakan, tetapi dibuktikan dengan hujah bahawa fakta dalam buku ini tidak benar. Hujah mesti dilawan hujah, fakta mesti dilawan dengan fakta.

Bagaimanapun setakat ini tidak ada pihak yang mencabar kesahihan fakta dalam buku ini. Masa yang sama banyak pihak yang sepatutnya bersuara

terus mendiamkan diri. Padahal mereka mempunyai peluang sama ada untuk terus meletakkan Yap Ah Loy sebagai pengasas Kuala Lumpur atau sebaliknya.

Dalam prakata buku ini, Profesor Emeritus Terry McGee dari Pusat Penyelidikan dan Geografi Asia, University of British Columbia di Kanada berkata, penyelidikan penulis buku ini menampilkan satu interpretasi baharu berhubung sejarah Kuala Lumpur.

Kenyataan ini membuktikan buku ini ada nilainya daripada sudut sejarah.

Maka permurnian sejarah Kuala Lumpur mesti bermula sekarang. Tidak perlu menunggu setengah abad lagi untuk mula bercakap atau berhujah mengenai pengasas Kuala Lumpur.

Membiarakan polemik pengasas Kuala Lumpur tergantung memperlihatkan sikap sebenarnya sesetengah dalam kalangan kita terhadap sejarah di tanah air sendiri.

SAJAK

KOPI BUAT RAYAN

Kun
Dalam tanah ada Rayan anak kecil sendirian diuji dengan perasaan tiada gementar juga keresahan

Kun
tangan tadah keselamatan bantuan demi bantuan digalas dengan kekuatan semangat dan juga pengorbanan

Kun
satu dunia menanti kemunculan tiada ketakutan di hati Rayan kopi pagi segarkan bekalan tanpa tangis sebuah penantian

Kun
Kota Tamarot tunggu kepulangan lima hari tetap bertahan bernafas selagi ada harapan kembali kepangkuan senyuman

Kun
hari ini dukacita dari Raya pergi tetapi kami lepaskan Tuhan telah rindukan ciuman sambut syurga bahagia dan aman

Kun faya kun....(Rayan)

Gabriel Kimjuan
Taman Mutiara, Labuan, Malaysia

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



'Buah tangan' 5 dekad bandar raya KL

SEMPENA Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-50 Bandar Raya Kuala Lumpur 5 Februari lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kualiti kehidupan warga kota melalui program yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Sesungguhnya ini adalah 'buah tangan' yang sangat berharga bagi warga Kuala Lumpur. Melalui Pakej Kesejahteraan Keluarga Malaysia Kuala Lumpur (PKKMKL), kualiti hidup rakyat dipertingkat, kaedah penyampaian dalam talian pula akan lebih pantas.

Secara umum, inisiatif yang bakal dilaksana termasuk menyediakan perumahan untuk disewa oleh warga kota, memperbaiki lif di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA).

Bagi menjamin keselamatan warga kota, pemantauan melalui kamera litar tertutup (CCTV) dilakukan. Kemudahan rekreasi dan riadah untuk rakyat juga dipertingkat.

Peluang berniaga pula diperluas supaya lebih ramai mencebur perniagaan dengan kaedah pemberian lesen dipermudah.

Adi pasti warga kota menyambut baik pelbagai inisiatif yang bertujuan mensejahterakan kehidupan mereka dalam suasana bandar raya yang semakin mencabar. Ia akan dapat membantu mereka menempuh kehidupan seharian dalam suasana damai dan selesa.

Semua ini membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap warga kota. Kehidupan mereka sentiasa dipantau dan dibela, daripada golongan B40, M40, malah sehingga kepada gelandangan, tanpa mengira bangsa dan agama atau fahaman politik.

Jelas sekali setelah lima dekad diisytihar bandar raya pada 1 Februari 1972, dan 48 tahun sebagai WP Kuala Lumpur setelah diisytihar pada 1 Februari 1974, Kuala Lumpur terus maju sebagai ibu negara dan pusat ekonomi.

Fungsinya sebagai pusat pentadbiran berakhir pada 1999 apabila Putrajaya secara rasmi menjadi Pusat Pentadbiran Persekutuan demi mengurangkan kesesakan dan kepadatan ibu kota.

Dengan peredaran masa dan pertumbuhan ekonomi pesat, Adi dapat menyaksikan kemajuan rancak ibu negara. Jumlah warganya kian bertambah kerana ramai dari luar datang mencari rezeki. Kehidupan di ibu kota juga



BAGI menjamin kehidupan yang sihat, DBKL menyediakan laluan pejalan kaki, laluan basikal dan jaringan hijau dengan mengutamakan keselamatan dan keselesaan pengguna.

makin mencabar.

Tentu sukar bagi warga Kuala Lumpur menjalani kehidupan tanpa pemantauan dan sikap prihatin pihak berkuasa yang menjaga keperluan dan kebajikan mereka. Apa yang 'dihadiahkan' oleh kerajaan sempena 50 tahun bandar raya Kuala Lumpur adalah usaha agar Kuala Lumpur dan warganya terus maju dan makmur.

Dalam usaha kerajaan mahu warga Kuala Lumpur hidup selesa, matlamat utama DBKL ialah menghapuskan miskin tegar. Ibu kota mahu dijadikan bandar raya sifar miskin tegar.

Untuk menyediakan kehidupan selesa, perumahan adalah penting. Setiap orang memerlukan tempat tinggal demi berlindung daripada hujan dan panas. Sehubungan itu DBKL akan membina 5,000 'council home' untuk disewa kepada warga kota. Keluasan minimum rumah 750 kaki persegi.

PPR dan PA yang sudah sedia wujud juga tidak

dilupakan. Adi difahamkan, DBKL akan membina 306 lif di 31 lokasi PPR dan PA. Projek ini akan dilaksanakan merentas masa dua tahun.

Kerosaan lif, terutama akibat vandalisme oleh segelintir penghuni PPR dan PA, sudah kerap berlaku dan dilaporkan. Ada yang merosakkan butang lif sehingga lif tidak berfungsi. Ada yang sengaja membuang sampah dan kotoran di dalam lif menyebabkan mereka yang menaikinya tidak selesa.

Lif rosak kerap diperbaiki berkali-kali, namun kerosakan dan vandalisme tetap berlaku. Jelas ini perbuatan sangat tidak bertanggungjawab dan disengajakan. Mereka yang berbuat demikian adalah 'kelompok sakit' yang sengaja muahu menyusahkan orang ramai.

Oleh itu harapan Adi dan tentunya pihak DBKL, hargailah usaha besar-besaran memperbaiki lif rosak sempena 50 tahun bandar raya Kuala Lumpur ini. Apabila lif sudah diperbaiki, jagalah dengan baik

“Untuk warga kota bersantai dan beriadah, DBKL akan menyediakan laluan pejalan kaki, laluan basikal dan jaringan hijau. Dalam aspek ini, keselamatan dan keselesaan pengguna sentiasa diutamakan.”

kerana ia adalah harta awam milik bersama. Sayangilah lif di PPR dan PA anda.

Buanglah tabiat suka merosakkan harta awam. Bayangkan jika lif rosak betapa sukar untuk turun naik, apakah lagi jika tinggal di tingkat paling tinggi. Akibatnya siapa yang susah? Tindakan keras mestilah diambil terhadap mereka yang terlibat dengan perbuatan tidak bertamadun ini.

Sejak 50 tahun bandar raya Kuala Lumpur, keselamatan warga kota terus diutamakan dan sama sekali tidak diabaikan. Tahap keselamatan di ibu negara dipertingkat melalui pemantauan menggunakan CCTV, dikawal oleh pusat kawalan 'Kuala Lumpur Command and Control Centre'.

Adi percaya CCTV ini akan banyak membantu, khususnya pemantauan jalan dan pergerakan lalu lintas di ibu kota. Dengan itu tindakan spesifik boleh segera diambil jika berlaku kesesakan, misalnya menghantar polis trafik mengawal lalu lintas atau mengalirkkan kendaraan ke laluan alternatif.

Ia juga boleh membantu pihak berkuasa mengesan kesalahan lalu lintas, malah perbuatan jenayah. Pesalah lalu lintas sukar menafikan kerana gambar mereka terakam.

Bagi perlakuan jenayah, tindakan pantas boleh diambil bagi mengesan penjenayah terbabit. Pusat kawalan boleh segera menyalurkan maklumat untuk membolehkan usaha mengesan penjenayah segera dilakukan.

Untuk warga kota bersantai dan beriadah, DBKL akan menyediakan laluan pejalan kaki, laluan basikal dan jaringan hijau. Dalam aspek ini, keselamatan dan keselesaan pengguna sentiasa diutamakan.

Penjaja juga tidak dilupakan. Selain inisiatif berniaga yang telah dilaksanakan seperti Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB) dan penyediaan kios niaga, gerai penjaja di pusat penjaja yang telah usang akan diperbaiki dan dinaik taraf. Ini termasuk gerai-gerai tepi jalan yang berlesen.

Bagi memastikan perkembangan sektor ekonomi terus rancak, DBKL

akan meningkatkan keupayaan penyampian perkhidmatan dalam talian. Langkah ini untuk mempercepat urusan berhubung kait dengan kelulusan lesen.

Bagi Adi langkah ini sangat baik kerana ia akan memudahkan urusan permohonan lesen. Difahamkan dengan kaedah ini, DBKL akan memberi kelulusan lesen premis perniagaan dalam tempoh 24 jam.

Permohonan permit pembinaan pula boleh diperoleh dalam tempoh tiga hari. Namun ini terhad kepada pembangunan berskala kecil sahaja.

Sebagai galakan kepada warga kota berurus dalam talian, rebat sebanyak 10 peratus diberi sepanjang tahun ini untuk pembayaran melibatkan semua permohonan lesen. Warga kota perlu mengambil peluang ini. Bukan sahaja urusan dalam talian lebih mudah, ada rebat pula.

Jelas inisiatif yang disediakan oleh kerajaan sempena lima dekad bandar raya Kuala Lumpur sangat bermanfaat. Kemajuan dan kesejahteraan ibu kota serta warganya sentiasa menjadi fokus utama.

Kerana itu Adi amat berharap hargailah segala usaha yang dilakukan. Bersama-sama memajukan Kuala Lumpur dan bersama-sama menjadikan warga kota sejahtera dan makmur. Sayangi Kuala Lumpur!

Adi—Semoga KL terus maju

Adi Taib

SAJAK

MENJULANG INSPIRASI
(Sempena Ulang Tahun Ke-50 Hari Wilayah Persekutuan)

Selamat ulang tahun ke-50 Hari Wilayah Persekutuan melakar sejarah manis terpatri bersaksi generasi ke generasi julung inspirasi menuju destinasi

Ganda upaya di batas masa iltizam semarak ke angkasa pengorbanan subur merimbun pantang berundur yakin tekun

Strategi diatur setara mantap komitmen warga bersatu tegap bekerja sepakat sehaluan tetap cabaran harungi sama sederap

Pipit Padi terbang rendah jadi Helang terbang tinggi impian mekar luar biasa membawa mencipta kejayaan mara memacu perjuangan

Noor Izam Samin
Perpustakaan, UiTM, Kampus Jasin

SKETSA



YWP santuni bekas atlet renang paralimpik kebangsaan

Bantu sedia keperluan asas bermiaga

HAZIRAH HALIM

SUSULAN tular satu laporan media massa tentang keadaan bekas atlet renang paralimpik kebangsaan, Koh Lee Peng yang berpanas sambil menjual tisu di perkaranan kawasan Pusat Beli-Belah Pavilion, Bukit Bintang, Kuala Lumpur, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) sempat turun padang bagi melihat sendiri keadaan atlet tersebut minggu lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata, Koh Lee Peng melakukan perkara sedemikian adalah di atas pilihan dirinya sendiri dan enggan mengharapkan simpati orang ramai.

“Sebenarnya saya sudah ke sana sebanyak tiga kali tetapi tidak dapat berjumpa dia kerana keadaan cuaca tidak berapa elok yang menyebabkan dia tidak dapat bergerak ke mana-mana.

“Tetapi alhamdulillah, akhirnya saya diberi peluang untuk melihat dan berjumpa sendiri Lee Peng bersama rakannya untuk bertanyakan khabar selain menyampaikan salam daripada Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr



ZAIZALNIZAM (berdiri) meluangkan masa menyantuni Koh Lee Peng dan rakannya di Bukit Bintang, baru-baru ini.

Shahidan Kassim serta menghulurkan beberapa bantuan,” katanya ketika dihubungi Wilayahku.

Menjawab pertanyaan sama ada atlet tersebut mendapat sebarang bantuan atau perhatian daripada mana-mana pihak terutamanya Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Zaizalnizam memberitahu, Lee Peng ada menerima bantuan daripada pihak tersebut.

“Dia ada menerima bantuan tetapi tetap nekad membuat keputusan untuk menjual tisu dan cenderahati yang dibuat olehnya sendiri,” kongsinya yang turut mengatakan Lee Peng sudah terlibat dalam aktiviti jualan itu sejak tiga tahun lalu.

Sementara itu, beliau turut mengambil kesempatan menghulurkan sumbangan wang tunai



KOH LEE PENG menunjukkan keratan akhbar kejayaan yang pernah diraih ya. - Foto Perak Insight

kepada atlet paralimpik itu serta turut membeli cenderahati yang dijual untuk dijadikan hadiah.

“Pihak YWP juga dalam perancangan untuk membantu Lee Peng menyediakan bahan keperluan seperti kain untuk membuat cenderahati kerana itulah sumber pendapatan utamanya buat masa ini,” ujar Zaizalnizam.

Beliau juga turut berbangga

dengan semangat yang ditonjolkan oleh bekas atlet kebangsaan itu kerana tidak malu untuk mencari sumber rezeki meskipun dalam keadaan serba kekurangan.

Suatu ketika dahulu, atlet renang paralimpik kebangsaan, Koh Lee Peng pernah menyumbang tujuh pingat emas dan tiga perak untuk Sukan Para Asean dan Sukan Para Asia. **WK**

Buku terbitan LaRIS himpulkan penulisan pembentangan CAIELTS

KHAIRUL IDIN

PERSATUAN Penyelidikan, Inovasi dan Kreativiti Labuan atau LaRIS (Labuan Research, Innovation and Creativity Society) berjaya menerbitkan buku kedua bertajuk ‘Bicara Ilmu, Inovasi, dan Kreativiti: Kompilasi Pembentangan CAIELTS’.

Pengerusi LaRIS selaku Ketua Editor, **Dr Hyginus Lester Junior Lee** berkata, buku tersebut menghimpunkan penulisan pembentangan yang telah dibuat dalam CAIELTS (*Creativity and Innovation Exhibition & Language Teaching Seminar*), sebuah program antara bangsa yang diadakan setiap tahun.

Buku terbitan LaRIS kali ini mengandungi tiga bahagian iaitu kajian, inovasi, dan kreativiti.

Penulisan kajian telah disumbangkan oleh mahasiswa Pangasinan State University di Alaminos City, Filipina dan Panitia Bahasa Inggeris, SMK Mutiara di Wilayah Persekutuan Labuan.

Bahagian inovasi pun menghimpunkan laporan dan perkongsian inovasi dar-



HYGINUS (kiri) menyerahkan buku kepada Yusup.

ipada guru-guru dari negeri Pahang, Perak, dan Labuan.

Turut dimuatkan dalam buku ini ialah penulisan inovasi berkumpulan Timbalan Pengarah Pendidikan (Sektor Pembelajaran) Jabatan Pendidikan WP Labuan, Yahya Ahmad Puteh bersama Junaidah Baharuddin dan Roziah Abdul Rahman bertajuk ‘Sulaman Bahasa’ untuk memudahkan murid membuat pendahuluan dalam membina karangan Bahasa Melayu.

Penulisan kreativiti disumbangkan sendiri oleh Dr Hyginus Lester tentang penggunaan One Page

Data-driven Projection yang membantu Ketua-ketua Panitia Bahasa Inggeris di Labuan memantau pencapaian dan perkembangan pentaksiran bilik darjah dan gred peperiksaan di sekolah masing-masing.

Buku Bicara Ilmu, Inovasi, dan Kreativiti: Kompilasi Pembentangan CAIELTS ini telah dilancarkan secara maya dalam YouTube oleh Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Yusup Mohamad pada 7 Februari lalu.

Dalam ucapannya, Yusup mengucapkan tahni-

ah kepada guru-guru kerana bergiat aktif dalam kajian dan inovasi.

Beliau juga percaya bahawa penyertaan guru dalam aktiviti seumpama ini memberi peluang dan ruang kepada mereka untuk berkongsi idea dan kepakaran dengan dunia luar sekali gus membuktikan pendidik di Malaysia bersifat kompetitif dan mampu mengetengahkan kualiti amalan baik di peringkat antarabangsa.

Dr Hyginus yang juga merangkap ketua editor buku tersebut merakamkan penghargaan kepada Jabatan Pendidikan Labuan kerana sentiasa menyokong usaha LaRIS dalam membantu membangunkan profesionalisme guru di Labuan.

Beliau juga menggalakkan lebih ramai guru untuk menyertai The 7th Creativity and Innovation Exhibition & Language Teaching Seminar yang akan diadakan pada Ogos 2022.

Pelancaran buku Bicara Ilmu, Inovasi, dan Kreativiti: Kompilasi Pembentangan CAIELTS boleh diakses melalui pautan <https://youtu.be/NQADFrbDc3g>. **WK**

Lelaki lebih ramai dari wanita kecuali di Putrajaya

SABRINA SABRE

DAPATAN yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan jumlah terkini penduduk lelaki di Malaysia adalah lebih ramai berbanding wanita iaitu sebanyak 52.3 peratus daripada keseluruhan 32.4 juta penduduk di Malaysia.

Bagaimanapun di Pusat Pentadbiran Kerajaan Putrajaya bilangan wanita melebihi lelaki.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob** berkata jumlah selebihnya adalah populasi penduduk wanita iaitu seramai 47.7 peratus.

“Ia menjadikan nisbah jantina bagi penduduk adalah 110 lelaki berbanding 100 wanita.

“Selain itu, Laporan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 menunjukkan negeri yang mempunyai bilangan wanita melebihi lelaki adalah Putrajaya, di mana 100 wanita bersamaan dengan 96 lelaki,” tambahnya.

Menurut Ismail Sabri, bagi statistik mengikut etnik, penduduk Bumiputera mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 69.4 peratus, diikuti etnik Cina (23.2 peratus), India (6.7 peratus) dan lain-lain (0.7 peratus).

Beliau berkata demikian dalam ucapannya ketika melancarkan dapatan awalan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) di Management and Science University, pada Isnin.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah dan Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin. **WK**

REALITI KEHIDUPAN

Rodakota

18 - 24 FEBRUARI 2022 . BIL 154






Wilayah Ku



KALENDAR ACARA Putrajaya

www.ppj.gov.my [Putrajaya](#) [perbadananputrajaya](#) [putrajayacorp](#)



PERBADANAN PUTRAJAYA

Kompleks Perbadanan Putrajaya 24, Persiaran Perdana, Presint 3 62675 Putrajaya Malaysia.
Telefon : 603 8887 7000 Emel : ppjonline@ppj.gov.my | Aduan : 603 8887 3000 | Url Aduan : <http://ppj.spab.gov.my/>

Putrajaya kembali jadi tumpuan pelancong Lembaran 2022 sarat acara berprestij



AINI MAWAWI

PUTRAJAYA merupakan salah satu destinasi wajib dilawati pelancong kerana keunikannya yang tersendiri. Terkenal di mata dunia dengan keindahan reka bentuk serta seni ukirannya, menjadikannya lokasi berharga bagi eko pelancongan.

Malah, keindahan landskap taman dan tasik yang terdapat di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan ini juga turut memberi kepuasan kepada pelancong untuk meneroka wilayah kebanggaan negara.

Sabtu tahun pelbagai aktiviti menarik dan acara berprestij diadakan di sini antaranya Floria Diraja Putrajaya, Putrajaya Bird Race dan Light And Motion Putrajaya (LAMPU) yang berjaya menarik kunjungan jutaan pelancong dalam dan luar negara.

Membuka lembaran tahun baharu 2022, Kalender Acara Putrajaya kembali lagi dengan himpunan acara serta aktiviti yang ditunggu-tunggu oleh pelancong. Biarpun negara masih dalam pandemik COVID-19 namun ia tetap dirancang dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP).



FADLUN

Menurut Naib Presiden Kanan Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, pihaknya sentiasa bersedia menganjurkan acara yang dirancang dan sedia menerima kunjungan pelancong dalam maupun luar negara.

"Semuanya berbalik kepada situasi semasa dan kita sentiasa mengikuti arahan daripada pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN). Jika pintu sempadan dibuka, kita mengalu-alukan kedatangan pelancong luar ke Putrajaya."

"Misalnya pada tahun ini terdapat acara antarabangsa iaitu International Board on Books for Young People (IBBY) Putrajaya Congress yang bakal diadakan pada bulan September dan diharapkan ia berjalan lancar seperti dirancang."

"IBBY ini diluluskan untuk dimasukkan ke kalender sebelum pandemik lagi, jika situasi ketika itu nanti tidak mengizinkan mungkin kita akan mengadakannya secara maya," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Bercerita lanjut tentang Kalender Acara Putrajaya, bermula Januari hingga Disember 2022, Putrajaya diserikan dengan pelbagai aktiviti dan acara menarik yang mempunyai peminatnya tersendiri.

"Sebagai contoh, kita juga ada acara Putrajaya Bird Race yang akan diadakan pada November



YANG di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah ketika acara Floria Diraja Putrajaya pada tahun 2019.

akan datang di mana sudah dua tahun acara tahunan ini ditunda kerana pandemik. Ia menghimpunkan pencinta burung yang mana uniknya lebih 200

spesis burung termasuklah burung hijrah terdapat di Putrajaya ketika itu," ujar beliau.

Antara acara sepanjang tahun 2022 yang menarik di Putrajaya

seperti Taman Warisan Pertanian Fair, Sambutan Hari Wilayah Persekutuan, Festival Ramadan Putrajaya, National Tree Climbing Challenge dan banyak lagi.



PUTRAJAYA BIRD RACE bakal diadakan November ini.



ACARA LAMPU dinanti-nantikan pengunjung saban tahun.

SUKAN LASAK

TURUT menghimpunkan pelbagai jenis aktiviti sukan, Fadlun berkata, salah satu kluster pelancongan Putrajaya adalah Sukan dan Rekreasi yang mana seiring dengan hal tersebut juga beberapa aktiviti sukan menarik diselitkan sepanjang tahun.

Antara sukan lasak yang akan mencabar adrenalin yang diminati golongan muda adalah Cyclefest, PCP Adrenalin Festival, Putrajaya Inter Park Ride (PIPR) yang bakal berlangsung pada Jun, Oktober dan September akan datang.

Tambah Fadlun, sebagai lokasi pelancongan tumpuan, Putrajaya juga mempunyai beberapa tarikan terbaharu seperti Tangga Putrajaya, Pantai Berpasir di Presint 4 selain daripada Astaka Morocco yang masih dalam proses penambahan.

"Banyak lokasi menarik di Putrajaya yang sudah diketengahkan dan mendapat



ANTARA aktiviti sukan yang menceriakan Kalender Acara Putrajaya.

sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung. Salah satunya adalah Glamping@ Wetland yang baru dibuka hujung tahun lalu telah menerima tempahan penuh sehingga suku tahun ini.

"Kini Putrajaya juga

mempunyai kedai coklat terbesar di Lembah Klang, Souq Shoppe yang terletak di Masjid Putra. Pelancong tidak perlu lagi ke pulau bebas cukai untuk mendapatkan coklat dengan harga jauh lebih murah," ujar beliau lagi. **W K**



Putrajaya semakin meriah

SETELAH sekian lama sepi daripada sebarang acara berprestij akibat pandemik COVID-19, kini wilayah Putrajaya kembali meriah dengan kunjungan pelancong dalam negara yang mengambil kesempatan melawat lokasi-lokasi pelancongan popular di lokasi tersebut.

Dijangkakan sasaran jumlah kedatangan pelancong dan pelawat ke Putrajaya pada tahun ini mampu menyamai bilangan tahun 2019 ketika negara masih belum dilanda pandemik COVID-19 jika semua acara yang dijadualkan dapat dijalankan seperti yang dirancang.

Menurut Pengarah Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya (PPj), **TPr Norzita Abdul Razak**, sasaran tersebut dapat diraih seandainya keadaan kembali pulih

sekali gus pintu sempadan kembali dibuka.

"Buat masa ini kita cuma dapat menjangkakan terdapat pertambahan berikutkan kedatangan pelancong dalam negara sendiri ke Putrajaya sejak peralihan fasa Pelan Pemulihian Negara (PPN) tahun lalu.

"Kita juga dapat maklum balas daripada pihak hotel di sekitar Putrajaya yang mana jumlah pengunjung ke wilayah ini bertambah sehingga 100 peratus terutamanya ketika

hujung minggu.

"Jika keadaan kembali pulih maka sudah semestinya lebih ramai lagi pelancong dan pelawat yang akan memeriahkan kawasan pelancongan di sekitar Putrajaya ini sama seperti tahun-tahun sebelum

ini. "Pun begitu, baru-baru ini Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memberi ramalan lebih 50 peratus penduduk Eropah akan dijangkiti varian Omicron menjelang Mac. Jadi, kita tidak boleh ramal buat masa sekarang," ujarnya.

Tambahnya lagi, PPj sentiasa mengikuti perkembangan semasa berkaitan virus COVID-19 dan sentiasa mementingkan prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi menekan penularan.

Terdahulu, mengikut statistik jumlah kedatangan pelancong, pelawat dan pengunjung acara ke Putrajaya pada tahun 2019 merekodkan sebanyak 8,757,950 orang berbanding 1,699,284 pada tahun 2020 dan 1,176,124 pada tahun lalu.



GARDEN SHOP merupakan antara tarikan terbaharu di Putrajaya.



NORZITA

Reaksi

HAZIRAH HALIM

"APABILA wabak COVID-19 melanda negara, banyak aktiviti dan program menarik yang pernah diadakan di Putrajaya terhenti dan semakin kurang mendapat sambutan. Antara aktiviti yang paling dirindui ialah Hot Air Balloon dan Festival Royal Floria Putrajaya. Saya harap Perbadanan Putrajaya (PPj) akan



mengadakan kembali program itu dan lebih banyak aktiviti menarik dapat dijalankan.

NURUL AIN AZHANI, 25 Pegawai Media

"UNTUK meningkatkan kembali sektor pelancongan Putrajaya, saya berpendapat Pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) boleh mengadakan kembali program-program yang pernah mendapat sambutan dan penyertaan daripada pelancong dalam mahupun luar negara



seperti Program pesta air, Berkayak, Sky Ride Festival Park, Hot Air Balloon dan banyak lagi untuk disertai oleh masyarakat.

"Pada pendapat saya, PPj boleh adakan aktiviti seperti bot racing dan pesta layang-layang dengan mengumpulkan masyarakat yang berpengalaman serta mahir dalam bidang ini untuk mempertandingkan seni karya mereka kepada orang ramai di samping memberi pendedahan serta ruang untuk mereka melibatkan diri.

MUHAMMAD NAIF NAILI ROZAINI, 24 Junior Creative Director

"PUTRAJAYA adalah sebuah bandar pelancongan yang wajib dilawati oleh orang ramai tidak kira

dalam mahupun luar negara kerana ia memiliki banyak tempat-tempat dan aktiviti menarik

seperti Festival Royal Floria Putrajaya namun terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian seperti tempat letak kereta yang terhad dan jauh.

NOR SYUHADAH AZIZ, 32 Penolong Pengurus

"ANTARA aktiviti yang dirindukan adalah Pesta Light and Motion Putrajaya (LAMPU) di mana kita dapat saksikan bumi Putrajaya

bermandikan cahaya warna-warni diiringi dengan muzik, sekali gus menambahkan lagi kecantikannya dan membuat hujung minggu orang ramai lebih bermakna.

Alangkah baik kalau kita perbanyakkan penganjuran program menarik di Putrajaya kerana ia merupakan salah satu tempat tarikan yang kemas, ditambah pula dengan keindahan taman bunga seperti Floria Putrajaya yang memukau pandangan pengunjung.

HAFEEZ NOR HANIF ANUAR, 24 Wartawan



'Tauke besar' payung penjaja warga asing

HASRAT Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang memperkenalkan dasar larangan penjaja warga asing di sekitar ibu kota seolah-olah dipandang sepi.

Tidak dinafikan Jabatan Penguat kuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hampir saban hari meronda segenap ceruk ibu kota untuk membanteras peniaga warga asing dan mengambil tindakan undang-undang.

Namun usaha kecil itu masih lagi tidak berupaya mengatasi masalah yang sudah menjadi barah terhadap penjaja dan peniaga kecil di ibu kota sekali gus Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **Datuk Muhammad Abdullah** tegas menyuarakan pandangan demi menyelesaikan maslahat komuniti penjaja yang bergelut meneruskan kelangsungan hidup pasca pandemik COVID-19.

Dalam wawancara wartawan *Wilayahku*, **AZLAN ZAMBRY** dan jurufoto, **NOREEZA HASHIM** di pejabatnya, beliau berkongsi pandangan mengenai perkara yang melibatkan penjaja kecil serta mengulas mengenai pembukaan bazar Ramadan seperti yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim baru-baru ini.

WILAYAHKU: Berkennaan dengan isu warga asing yang bermiaga dan menjaja di sekitar Kuala Lumpur telah manafikan penjaja tempatan meskipun tindakan penguatkuasaan terus dijalankan, namun ia dilihat tidak berkesan, apakah pandangan Datuk mengenai perkara ini?

MUHAMMAD: Masalah penjaja warga asing ini merupakan penyakit besar yang dilihat sukar diubati. Pihak persatuan berpandangan, kita tidak mahu menerima yang utama, bagaimana penjaja asing ini masih wujud lagi? Bagi pihak persatuan, kami berpandangan, agensi penguat kuasaan kena bertindak tegas. Kita ada Jabatan Imigresen (JIM), Polis, Rela, Jabatan Penguat kuasaan DBKL (JPK) dan mereka mesti demi melindungi peniaga dan penjaja kecil warga negara kita.

Malah, bagi persatuan, kami tidak bertolak ansur dengan peniaga dan penjaja kecil yang memberi peluang menggunakan lesen atau memberi kebenaran. Kami melihat di Jalan Silang, di Kuala Lumpur, pendatang dari Bangladesh seolah-olah bebas bermiaga. Malah jika diperiksa kadang kala mempunyai kad pengenalan. Apabila soal selidik dijalankan, di belakangnya mereka dipayungi tauke besar dan ini yang kita tidak mahu berlaku kerana kehadiran mereka menafikan peluang warga tempatan yang hari ini memerlukan peluang dan kawasan yang berpotensi untuk menjalankan perniagaan kecil-kecilan.

WILAYAHKU: Kita lihat, pihak JPK ada menjalankan tugas penguatkuasaan, malah turut menyasarkan peniaga tempatan yang tidak mempunyai lesen perniagaan, apa



BIDANG kuasa Jabatan Penguatkuasaan DBKL terhad kepada menyita barang dan premis perniagaan yang di kendalikan warga asing menyebabkan golongan itu tidak serik menjalankan perniagaan secara haram di sekitar Kuala Lumpur.

pandangan Datuk berkenaan perkara itu?

MUHAMMAD: Dalam isu perbandaran, untuk memastikan bandaraya Kuala Lumpur dipelihara dengan baik, penguatkuasaan merupakan organ yang sangat penting. Untuk isu yang melibatkan penjaja golongan muda yang tidak mempunyai lesen, saya lebih berpendirian agar penguat kuasa tak usah bertindak dan memburu golongan muda yang bermiaga sehingga menangkap dan menyita barang milik mereka. Memang mereka ini bermiaga secara haram, namun dalam keadaan hari ini, semua orang terkesan dan terhimpit, maka kalau boleh beri kelonggaran sedikit.

Bagi saya, situasi seperti di Jalan Silang yang terang-terang berlaku dan melibatkan warga asing harus menjadi fokus utama pihak penguat kuasaan. Bukan saya kata mereka tidak buat kerja dan kita juga faham kekangan yang dihadapi oleh pihak DBKL. Sistem penguat kuasaan berkala yang diamalkan harus ditingkatkan. Maknanya kewujudan penguat kuasa di satu-satu lokasi tumpuan penjaja dan peniaga kecil warga asing ini dengan berpakaian preman untuk mencegah golongan ini perlu diperbanyak. Di Dataran Merdeka mereka boleh buat sehingga dapat menangkap peniaga tempatan tidak berlesen, mengapa di kawasan tumpuan penjaja asing mereka tak nak buat? Bukanlah kita kutuk tindakan mereka, kita sebenarnya bersama-sama dengan agensi kerajaan terutama DBKL untuk mencapai sifar penjaja warga asing.

WILAYAHKU: Pada pandangan Datuk, apa yang menjadi masalah kepada agensi penguat kuasaan di Kuala Lumpur ini sehingga susah hendak menangani perkara ini hingga ke akar umbi?

MUHAMMAD: Usaha kerajaan ini telah dilakukan dan ia selari dengan kepesatan teknologi yang digunakan, sekarang ini, banyak kamera litar tertutup (CCTV) telah dipasang untuk memantau keadaan di setiap ceruk Kuala Lumpur. Jadi penguat kuasa ini, kita nak tuduh atau nak cakap pun tak boleh. Jadi tugas mereka, lakukanlah. Perkara utama pada saya, kuat kuasakan

dulu benda-benda yang haram ini. Maknanya, penjaja asing ini haram, maka tindakan mesti diambil segera. Memang betul peniaga tempatan yang tiada lesen itu pun haram, tetapi menteri dah sebut, peniaga tempatan ini bebas bermiaga, penguat kuasa janganlah sasarkan warga tempatan manakala orang luar ini kita boleh tengok sendiri mereka boleh bermiaga dengan bebas seperti di negara mereka sendiri. Kita yang tengok pun sakit hati.

“Di Dataran Merdeka mereka boleh buat sehingga dapat menangkap peniaga tempatan tidak berlesen, mengapa di kawasan tumpuan penjaja asing mereka tak nak buat?”

Tapi apa daya kita dan persatuan juga tidak mempunyai kuasa.

Polisi itu tetap ada iaitu tidak membenarkan peniaga warga asing namun ia semakin hari dilihat bertambah sehingga menimbulkan kemarahan dalam kalangan orang ramai. Dalam masa sama, orang ramai kena faham juga kerana ada wujud salah faham kerana peniaga tempatan dibenarkan untuk mengajikan pekerja asing sebagai pembantu. Malah ada kes yang muka seperti pendatang namun setelah diperiksa, mereka mempunyai kad pengenalan kerana merupakan generasi kedua yang bermastautin disini.

Bagi saya, pihak penguat kuasa mesti lebih cekal, lebih bersistem supaya kita sama-sama dapat menyekat peniaga warga asing. Janganlah kenakan penalti kepada peniaga tempatan, memang dia salah bermiaga, tetapi pada masa, mereka ini sedang berada dalam kesempitan. Kalau yang bermiaga di kawasan lampu isyarat, itu wajar dilakukan penguatkuasaan kerana ia membahayakan keselamatan, dan selepas itu, tempatkan mereka di kawasan-kawasan penjaja supaya mereka dapat bermiaga dengan lebih baik.

WILAYAHKU : Kita menghadapi masalah

apabila agensi penguat kuasaan dilihat tidak sekata dalam menjalankan penguat kuasaan terhadap penjaja warga asing ini, apa komen Datuk mengenai perkara ini?

MUHAMMAD: Dakwaan itu ada benar dan tidak. Pertamanya, saya berpandangan ia wujud disebabkan masalah birokrasi antara agensi penguat kuasaan. Saya pernah melihat ada operasi bersepadu yang turut disertai Jabatan Imigresen (JIM) Jabatan Penguat kuasaan DBKL (JPK) dan polis pernah dibuat. Tetapi mungkin disebabkan isu pandemik telah mewujudkan masalah tertentu dalam menjalankan operasi bersepadu itu.

Saya berpandangan, pasca pandemik ini mereka akan kembali semula. Mereka pernah berganding bahu dalam menjalankan operasi penguat kuasaan di beberapa kawasan termasuklah di Jalan Silang, Jalan Petaling, Chow Kit, Jalan Raja Bot, Pasar Seni. Saya pernah melihat dan ia perlu diteruskan supaya agensi kerajaan ini bersepadu dalam menjalankan tindakan penguat kuasaan secara berkala dan lebih kerap. Kita tahu DBKL tiada kuasa menahan, polis tiada kuasa batalkan perniagaan kerana lesen di bawah bidang kuasa DBKL dan JIM mempunyai bidang kuasa yang lain berbanding dua agensi tadi.

Mereka perlu duduk dalam satu pasukan dan diketuai seorang 'general' yang memberikan panduan untuk menjalankan kerja-kerja penguat kuasaan. Ketika ini JIM dengan kuasanya, JPK dengan kuasanya, polis dengan kuasanya dan Jabatan Pelesiran hanya boleh membatakan lesen sahaja. Jadi banyak sudut yang perlu diperhalusi sebelum sesuatu tindakan dapat diambil. Bagi saya, sekiranya ada seorang ketua yang boleh mengetui pasukan khas ini, saya yakin hasrat menteri untuk menjadikan sifar peniaga asing di Kuala Lumpur ini boleh tercapai.

WILAYAHKU: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob baru-baru ini telah mengumumkan kebenaran beroperasi untuk bazar Ramadan pada tahun ini, malah Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim juga mengumumkan untuk memberikan lesen kepada semua

pemohon yang mahu berniaga di bazar itu nanti, bagaimanakah usaha persatuan untuk memastikan matlamat itu tercapai?

MUHAMMAD: Apabila Perdana Menteri mahu bazar Ramadan diteruskan, ini merupakan satu rahmat kepada peniaga dan penjaja kecil khasnya di Wilayah Persekutuan. Kita tahu secara tradisinya, terutama peniaga di kawasan *hotspot* seperti di Jalan Raja Alang dan Lorong Tuanku Abdul Rahman merupakan fokus masyarakat kota membeli juadah untuk mereka berbuka.

Jadi kami ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang mendengar dan selalu mengambil perhatian masalah yang dihadapi oleh peniaga dan penjaja kecil.

Ini jelas bahawa visi KWP untuk mewujudkan satu kegiatan mikro ekonomi boleh menjadi lebih aktif dengan satu konsep perniagaan yang kecil untuk memberi kemudahan dalam soal permohonan lesen perniagaan. Secara peribadi Datuk Seri Dr Shahidan Kassim pernah menyatakan kepada saya agar lesen pasar malam ini jangan mahal-mahal. Kalau bawah RM10 satu tapak dan ia akan dilulus segera. Ini menunjukkan beliau mempunyai satu visi yang bagus bagi masyarakat peniaga dan penjaja kecil terutama golongan muda.

Menteri juga hendak mewujudkan 1,000 peniaga muda terutama pada Ramadan ini. Kalau boleh beliau hendak memberikan kios kepada golongan ini untuk memulakan perniagaan pada Ramadan ini dan sebagai persatuan, kita mengalau-alukan dan menyokong penuh wawasan menteri ini supaya dapat merancakkan lagi ekonomi dan mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan.

WILAYAHKU: Pengajuran bazar Ramadan pada tahun ini mungkin agak berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya, mungkin Datuk dapat memberi pandangan mengenai perkara ini?

MUHAMMAD:
Kita ingat bazar Ramadan ini, ada konsep *home based*, maksudnya mereka tak perlu memasak di tapak berniaga, letakkan juadah di *stall* atau kios dan guna konsep *home based cooking* atau *central kitchen*.

Jadi pada saya, musim Ramadan ini merupakan era yang



BAZAR Aidilfitri yang menjual barang keperluan hari raya sering mendapat permintaan yang banyak mendorong pemilik lesen menjual tapak kepada pihak ketiga dengan keuntungan berlipat

mencabar bagi peniaga dan penjaja kecil terutama di Kuala Lumpur dan kita lihat ia seperti apa yang disebutkan oleh menteri bahawa bandar raya ini merupakan jendela pihak berkuasa tempatan (PBT) lain.

Jadi bila Perdana Menteri umumkan bazar Ramadan boleh dilaksanakan di seluruh negara, saya rasa ini satu rahmat kepada semua penjaja dan menteri sendiri bertegas agar tiada birokrasi untuk mempermudahkan permohonan lesen. Ini satu cabaran untuk DBKL dan PBT yang lain di seluruh negara boleh mencontohi DBKL dalam urusan lesen ini.

Penganjuran bazar tahun ini juga tidak banyak berubah seperti tahun lalu. Semua pengajuran mesti meneliti dengan lebih cermat mengenai Prosedur Operasi Standard (SOP) agar bazar Ramadan tidak menjadi kluster penyebaran wabak COVID-19.

WILAYAHKU: Kita selalu dengar pada setiap kali pengajuran bazar Ramadan dan Aidil-Fitri akan menimpulkan rasa tidak puas

hati dan rungutan dalam kalangan penjaja sehingga dikatakan wujudnya 'kartel' lesen melalui orang tengah, apa komen Datuk mengenai perkara ini?

MUHAMMAD: Saya tidak tahu apa makna 'kartel' ini dan definisinya dalam sektor penjajaan di Kuala Lumpur

ini. Suka untuk saya maklumkan, kalau menjaja, lesen yang perlu dibayar kepada DBKL hanyalah berjumlah RM106 untuk satu tapak juadah. Isu kartel ini, saya rasa ia berlaku semasa pengajuran Bazar Aidilfitri di Lorong Tuanku Abdul Rahman satu masa dahulu. Di kawasan itu, saiznya besar dan peniagaannya terdiri dari pakaian dan kelengkapan Hari Raya. Sektor makanan ini tidak wujud isu kartel.

Persatuan memainkan peranan, harga siling untuk penyewaan tapak niaga telah ditetapkan oleh DBKL dan ia tidak melebihi RM600 satu tapak sahaja. Bayaran itu termasuk penyediaan khemah, apron keselamatan dan kebersihan termasuk SOP yang tertentu. Pengajuran hanya boleh mengenakan bayaran tidak lebih RM600 untuk seorang peniaga untuk semua jenis perniagaan. Tapi masalah kartel ini, wujudnya kartel ini kerana permintaan banyak. Contohnya di Lorong Tuanku Abdul Rahman. Pihak DBKL telah mengambil tindakan proaktif supaya masalah ini diatasi dan permohonan lesen akan dilakukan terus dengan pemohon secara *online* dan undian tapak dilakukan. Jadi tiada lagi wujud kartel.

Sekiranya ada seorang peniaga yang telah berjaya memperolehi tapak niaga, dan bertindak menyewakan kepada pihak ketiga, maka di sinilah wujudnya kartel. Tapak yang DBKL sekawan dalam kadar tertentu dan peniaga *sub let* kepada orang lain dengan tujuan mengaut keuntungan.

WILAYAHKU: Situasi tersebut sudah lama berlaku, sebagai pemimpin persatuan yang telah lama bergelumang dengan masalah ini, adakah individu tertentu yang mempunyai kuasa terlibat dalam masalah kartel tersebut?

MUHAMMAD: Saya anggap perkara itu adalah agenda yang tidak besar. Itu pandangan peribadi saya. Kalau semua 200 tapak di Lorong Tuanku Abdul Rahman itu disewakan dengan nilai puluhan ribu, saya rasa ia mungkin berlaku disebabkan suka sama suka.

Kartel ini, mereka mengaut lesen dengan jumlah banyak contohnya sehingga 30 lesen tapak dan jual satu tapak hingga RM20,000 untuk satu tapak dan mereka boleh memperolehi keuntungan hampir RM600 ribu. Itulah kartel.

Bagi saya, DBKL telah menapis setiap permohonan bagi mengatasi masalah ini. Saya telah terlibat dalam proses cabutan undi. DBKL telah memanggil semua masuk dalam sistem, hari ini mereka jalankan temu duga dan cabutan undi. Kalau seseorang itu dapat lesen, maka dia berhak terhadap tapak tersebut dan semua persatuan perniaga yang terlibat menyaksikan proses tersebut.

Jadi istilah kartel ini bagi saya itu lapuk. Menteri-menteri yang ada melihat bahwa kawasan *hot spot* di kawasan Lorong TAR dan Dataran Merdeka dan saya nampak DBKL menjaga kawasan tersebut sepenuhnya dan mereka lah juga pengajuran untuk bazar Ramadan dan bazar Hari Raya di kawasan tersebut dan bukannya persatuan.

Kalau persatuan pula, bagaimana kaedah kartel itu hendak dilaksanakan? Satu tapak berharga RM160 dan takkan lah mereka hendak jual satu tapak RM2,000 kepada orang susah yang menjual kuih untuk berniaga pula? Ia sangat mustahil. Contohnya di Jalan Raja Alang yang dahulunya ditadbir oleh *Malay Agriculture Settlement* (MAS) dan telah diberikan kepada Persatuan kami melalui Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (PKB) yang mengawal operasi bazar di kawasan itu. Jadi penjaja bersatu. Penjaja menyewa satu tapak RM600 hingga RM700 kerana kawasan itu dikategorikan sebagai *Hot Spot*. Mereka turut diberi khemah, apron dan lain-lain kemudahan termasuklah kebersihan dan keselamatan. Jadi saya rasa peniaga berpuas hati dan mendapat pulangan modal serta keuntungan kerana kawasan itu merupakan tumpuan orang ramai. **WK**



DATUK MUHAMMAD ABDULLAH





HAZIRAH HALIM

SEJAK kebelakangan ini, ramai yang membuat majlis seperti perkahwinan, hari jadi, makan-makan dan sebagainya. Antara hidangan yang biasanya dihidangkan kepada tetamu adalah muffin. Muffin seperti coklat, strawberry, pandan, vanila yang dihiaskan dengan elemen berwarna-warni dalam pelbagai bentuk pastinya memukau pandangan anda.

Edisi Wilayahku kali ini mempersembahkan dua resipi muffin lazat daripada **Datin Seri Shamsiah Md Yassin** dan **Chef Hasna** untuk dicuba oleh orang ramai. Selamat mencuba! WK

Muffin lazat idaman warga kota

Muffin Pelangi

AIR TANGAN BONDA
DATIN SERI SHAMSIAH

BAHAN-BAHAN

100 gram marjerin
180 gram tepung kek
4 biji telur
160 gram gula aising
0.5 ml esen ros
Setitik pewarna hijau
Setitik pewarna merah

CARA PENYEDIAAN

- Pukul marjerin dan gula aising sehingga kembang.
- Masukkan esen ros, dan gaul sebatи. Kemudian, masukkan telur.
- Seterusnya, masukkan tepung dan kacau sehingga rata. Bahagikan adunan kepada tiga bahagian lalu warnakan dan daripada tiga bahagian tersebut dengan warna hijau dan pewarna merah.
- Ambil kertas, masukkan

adunan secara berselang-seli.

- Panaskan ketuhar pada suhu 180°C selama 15 minit, kemudian bakar muffin selama 15 minit atau hingga masak.
- Muffin pelangi siap untuk dihidang.



CHEF HASNA

BAHAN KERING

2 cawan tepung gandum
2 sudu besar susu
tepung (pilihan)
1/2 sudu kecil soda
bikabornat
1 sudu kecil serbuk penaik

BAHAN BASAH

2 biji telur
1 cawan minyak
3/4 cawan susu kotak
dutch lady
1 sudu teh esen vanila

Muffin Pisang

BAHAN HIASAN

Coklat Cip
Badam

CARA PENYEDIAAN

- Mula-mula panaskan oven pada suhu 160°C sekurang-kurangnya selama 10 minit.
- Ayak bahan-bahan kering dan kemudian masukkan bahan-bahan satu persatu, kacau menggunakan hand whisk sahaja.

3. Kacau cukup sekadar ia sebatи sahaja.

- Masukkan adunan ke dalam acuan muffin dan hiaskan dengan coklat cip dan kacang badam.
- Bakar pada suhu 180°C 10 minit pertama kemudian turunkan suhu pada paras 160°C dan bakar lagi 10 minit.



SABRINA SABRE

PENCUCI mulut merupakan makanan yang akan disajikan setelah menikmati makanan utama.

Kebiasaannya pencuci mulut terdiri daripada minuman mahupun makanan yang segar, manis dan nyaman.

Edisi Wilayahku kali ini kongsikan resipi mudah dengan menggunakan bahan yang ringkas tetapi mampu membuat air liur anda meleleh.

Tunggu apa lagi? Sajikan resipi pencuci mulut ini kepada keluarga ataupun tetamu anda. Selamat mencuba! WK


Dua pencuci mulut menyelerakan Nutella Bites

BAHAN-BAHAN

1 paket roti paratha (5 keping)
Nutella

CARA PENYEDIAAN

- Gunakan cawan untuk tekap bulatan pada setiap paratha dan potong dua jadikan separuh bulatan.
- Sudukan sedikit *nutella* di tengah-tengah dan picitkan
- paratha di bahagian yang lurus sampai tertutup.
- Biarkan bahagian melengkung terbuka nampakkan isi *nutella*.
- Susunkan rapat-rapat setiap paratha berisi *nutella* agar membentuk seperti jambangan bunga.
- Bakar pada suhu 180°C selama 30 hingga 40 minit atau sehingga paratha masak.



Mango Biscuit Ice Cream

BAHAN-BAHAN

Mangga
Whipping cream
Susu pekat
Biskut

CARA PENYEDIAAN

- Mula-mula potong dadu mangga. Ketepikan.

- Dalam bekas pukul *whipping cream* sampai kental.

- Tuang susu pekat dan kacau sehingga sebatи.

- Susun biskut dalam bekas yang beras plastik.

- Tuang sedikit campuran *cream* dan ratakan.

- Tabur potongan mangga.

- Susun lagi biskut di atasnya dan ulang semula langkah di atas.

- Untuk *topping* pula, tabur potongan mangga pada lapisan *cream* yang terakhir dan terus bekukan.

- Cairkan *filling* mangga dan tuang atasnya.

- Sedia untuk dinikmati.



DAPATKAN NASKHAH PERCUMA

Lokasi edaran:



Wilayahku juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti Pejabat Kerajaan, Masjid, Surau, 7 Eleven, 99 Speedmart, stesen minyak dan restoran serta lokasi tumpuan orang ramai.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

wilayah Ku MEDIA WARGA KOTA

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



FULL PAGE
26cm X 33cm
RM7,500



HALF PAGE
26cm X 17cm
RM5,500



QUARTER PAGE
12cm X 17cm
RM4,500



PANEL PAGE
[INNER]
26cm X 6cm
RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]



FRONT BANNER
1080px X 96px
RM2,500



MIDDLE BANNER
1080px X 280px
RM2,000



MEDIUM RECTANGULAR
350px X 280px
RM1,500



HALF PAGE
350px X 500px
RM1,000

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)
Operasi & Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:
Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.

Mahu kembangkan jenama kerepek di persada antarabangsa

Dapur Harmoni utamakan kebajikan dalam perniagaan



HAZIRAH HALIM

BERAT sama dipukul, ringan sama dijinjing. Itulah yang dapat disimpulkan tentang perniagaan kerepek yang diusahakan oleh Pertubuhan Kebajikan Harmoni Selangor atau dikenali sebagai Dapur Harmoni sejak lima tahun lalu.

Menerapkan konsep kebajikan, Dapur Harmoni yang terletak di Pandan Jaya ini menjalankan perniagaan 'menjual sambil beramal' dengan inisiatif utamanya untuk membantu golongan warga emas, suri rumah dan ibu tunggal yang telah hilang pendapatan serta mahu menjana pendapatan sendiri melalui jualan.

Pengurus Bahagian Jualan dan Pemasaran Dapur Harmoni, **Mohd Hilfi Mohd Nor**, 3, menjelaskan konsep tersebut diketengahkan selaras dengan misi dan visi syarikat untuk membantu masyarakat melalui produk-produk makanan yang terjual.

"Kami membawa elemen itu buat peniaga manakala, membeli sambil beramal' pula untuk pelanggan dengan menjelaskan bahawa setiap keuntungan yang diperoleh daripada hasil jualan itu akan didermakan atau diinfaqkan kepada mereka yang memerlukan.

"Sebagai contoh, sekiranya pelanggan membeli satu balang kerepek berharga RM20, maka pengusaha akan mengambil 10 peratus daripada keuntungan tersebut untuk didermakan," katanya ketika ditemui *Wilayahku* di Bazar Kreatif Usahawan Anak Muda Kota (UAMK), Berjaya Times Square, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Hilfi turut mengatakan kerepek itu adalah antara produk makanan buatan sendiri (*homemade*) yang dihasilkan oleh lapan orang chef di bawah naungan kebajikan tersebut.

"Antara kerepek-kerepek yang tersedia di Bazar Kreatif UAMK adalah kuih loyang, kerepek pisang



30 jenis kerepek dihasilkan oleh lapan orang chef Dapur Harmoni

nangka, popiah nestum, siput, jejeri gunting dan banyak lagi dengan harga bermula daripada RM10 hingga RM20 sebalang.

"Lapan orang chef itu terdiri daripada tiga kategori yang dinyatakan sebelum ini. Mereka mengangkat konsep keaslian dalam masakan yang mana kesemua kerepek-kerepek ini tidak dihasilkan dengan menggunakan

mesin sebaliknya secara tradisional dengan memakai tangan.

"Hal ini kerana, kami ingin mengekalkan keaslian tekstur dan rasa kerepek selain mahu menjaga kualiti produk makanan itu," jelas alumni pelajar jurusan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media ini.

Menurut Hilfi, kebersihan dan tahap kualiti makanan menjadi

keutamaan Dapur Harmoni dalam menghasilkan sesuatu produk terbaik di dalam pasaran.

"Kebanyakan kakitangan dan chef di dalam Dapur Harmoni akan sentiasa memakai sarung tangan ketika memproses kerepek selain mereka juga telah menerima suntikan tifoid sebelum bekerja di syarikat ini."

"Kami juga amat

menitikberatkan aspek kualiti yang mana sekiranya kerepek baru sahaja siap diproses, kami tidak terus balut kerana masih panas dan tidak mahu ia berminyak," ujarnya sambil menambah Kerepek Dapur Harmoni mampu bertahan selama dua hingga tiga minggu sahaja. **WK**



MOHD HILFI

INFO

ALAMAT:

Dewan Orang Ramai,
Persatuan Penduduk
Pandan Jaya Fasa 2
Persiaran Pandan 4,
Pandan Jaya.

Atau boleh ke Bazar
Kreatif Usahawan Anak
Muda Kota, Tingkat 4,
Berjaya Times Square,
Kuala Lumpur.

NOMBOR TELEFON:
+6012-265 3809

HARGA:
RM 10 - RM 20

ANTARA KOLEKSI KUIH YANG ADA:

- Kuih Loyal/Kuih Ros
- Kuih Ekor Kucing
- Kuih Jejeri Gunting

(Mini)

- Kuih Tiram
- Kuih Siput
- Bilis Sambal
- Popia Sambal
- Kuih Simpul
- Popia Cheese (Balang Kecil)

ISTIMEWA kerepek dapur harmoni dihasilkan tidak menggunakan mesin sebaliknya secara tradisional untuk mengekalkan keaslian rasa dan tekstur kerepek.

Artis popular meriahkan festival raya Ben Ali dan Nadiyah Shahab



DEEL ANJER

USAHA pasangan selebriti Ben Ali dan Nadiyah Shahab untuk membantu ramai selebriti dan para usahawan menjadi kenyataan apabila mereka bakal menganjurkan festival raya terbesar iaitu Absolut Bazaar X Gaya Raya pada April ini.

Menggunakan slogan 'Restart, Reboot, Refresh', Ben dan Nadiyah menerusi Absolut Event & Management Sdn Bhd mengambil langkah bekerjasama dengan My Events International Sdn Bhd dan Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC).

Festival yang bakal dilangsungkan tanpa henti selama 66 jam ini akan diadakan pada 22, 23, 24 dan 25 April depan.

Menurut Ben Ali, penganjuran festival raya ini adalah untuk membantu ramai usahawan yang terkesan dengan pandemik COVID-19 selain menghidupkan semula kemeriahan hari raya

setelah dua tahun negara 'berperang' dengan wabak bahaya itu.

"Asalnya, kami memang nak serta mana-mana acara hari raya. Tapi untuk tahun ini, saya dan isteri bertanya-tanya, acara mana yang kami boleh serta menjelang hari raya tahun ini. Dalam masa yang sama, ramai yang syorkan kami anjurkan festival raya kerana melihat kejayaan acara Absolut Chocolat yang kami anjurkan sebelum ini."

"Jadi, bagi kami ini sesuatu yang baharu. Kami tak pernah anjur acara besar hari raya sebelum ini. Untuk itu kami cuba. Pertama untuk jual produk kami Absolut Chocolat sempena Hari raya. Kedua, ini adalah platform untuk vendor-vendor lain serta sekali kerana setakat ini tidak ada festival raya yang lain. Jadi kami buatlah."

Ben Ali juga memberi jaminan banyak kelebihan yang bakal dinikmati oleh vendor-vendor sepanjang festival raya tersebut berlangsung.

"Selaku pengajar, kami bakal menyediakan ruang acara yang kondusif serta persekitaran yang selesa. Kemudahan seperti surau yang mencukupi turut

disediakan bagi pengunjung yang hadir.

"Malah mereka dialu-alukan untuk solat terawih secara berjemaah di sini," jelasnya lagi.

Bukan itu sahaja, antara tarikan menarik adalah harga lot jualan yang 'mesra pandemik' bermula dengan harga serendah RM2,800 bagi satu tapak untuk empat hari acara.

"Harga 'mesra pandemik' ini adalah cara kami untuk menggalakkan lagi ramai usahawan serta festival raya ini. Harga yang berpatutan ini selaras dengan mereka yang terjejas akibat pandemik COVID-19."

"Kami juga bakal mewujudkan pelan pembayaran ansurans serta pinjaman demi meringankan beban para peniaga dalam usahawan memulihkan perniagaan mereka," ujar Ben yang berharap usaha ini boleh membantu usahawan untuk bangkit.

Manakala menurut Nadiyah Shahab pula, syarikatnya akan membawakan Absolut Food Festival berskala mini dengan memperkenalkan konsep atas bumbung ('rooftop').

"Apabila membeli-belah

persiapan raya, tidak akan lengkap tanpa santapan makanan untuk berbuka dan sahur. Maka dengan adanya konsep santai 'rooftop' ini bakal menampilkan kelainan bagi festival raya kami ini."

"Tidak cukup dengan itu, kami bakal menjemput pereka fesyen terkenal seperti Datuk Jovian Mandagie, Fiziwoo, Rizman Ruzaini untuk membawa koleksi 'Ready-To-Wear' untuk persembahan fesyen nanti," ujarnya.

Antara artis popular yang bakal memeriahkan Absolut Bazaar X Gaya Raya ialah penyanyi nombor satu negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza, Rozita Che Wan, Neelofa, Nelydia Senrose, Aeril Zafrel, Wawa Zainal, Saharul Ridzwan, Shukri Yahaya, Zul Ariffin dan ramai lagi. **wk**



BEN Ali dan isterinya Nadiyah Shahab menganjurkan festival raya demi membantu usahawan di luar sana.

Khai Bahar terima kritikan

PENYANYI popular Khai Bahar antara artis yang sentiasa terbuka menerima kritikan dan rajin memperbaiki kelemahan diri. Ini antara sikap yang boleh dicontohi oleh anak muda lain.

Ini terbukti apabila pemilik nama sebenar Muhammad Khairul Baharuddin mempamerkan sisi matang dalam Konsert Nafas Cinta Khai Bahar yang berlangsung pada 12 Februari lalu di Petaling Jaya Performing Arts Centre (PJ PAC), 1 Utama Shopping Centre, Bandar Utama.

Menerusi konsert berdurasi dua jam, Khai mendendangkan 17 lagu termasuk dua lagu duet bersama Adira dan Aina Abdul.

"Pengalaman mematangkan saya. Dahulu, setiap kali persembahan saya dikritik, saya ambil peluang untuk memperbaiki diri. Kalau selama ini bahagian nyanyian tertentu masih ada kekurangan termasuk nada tinggi, kini saya cuba mengimbanginya. Saya rasa boleh menyanyi, jadi, kena ada inisiatif untuk menjadi lebih baik," ujarnya.

Tambahnya lagi, faktor kesihatan seperti bersenam untuk stamina juga dititikberatkan seperti cukup tidur penjagaan makanan dan cuba elakkan daripada sakit.

"Dahulu, saya jenis pemalu dan segan. Namun, saban hari saya mencabar diri. Pentas berlakon

juga menjadi ruang untuk saya memberanikan diri dan keluar daripada zon selesa," katanya kepada *Wilayahku*.

Pada konsert fizikal yang dihadiri 300 penonton dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) itu, Khai turut memperdengarkan *single* duet baharu bersama Adira berjudul Pejam.

Sementara konsert yang turut dipancarkan secara virtual, Khai turut mempersembahkan tayangan video muzik rasmi *single* solo terbaru, Damba yang menjalani penggambaran di Perlis. Khai turut mendendangkan lagu Bayang, Luluh, Dari Jauh Saja, #123 dan Hati Nyawa.



KHAI Bahar mempamerkan sisi matang dalam konsert solonya, Konsert Nafas Cinta Khai Bahar.

Dolla terus perkasakan wanita menerusi BAD

DOLLA terus mengorak langkah dalam industri muzik tempatan apabila muncul dengan lagu baharu berjudul BAD.

Selepas satu jam dilancarkan, BAD berjaya meraih 100 ribu tontonan di YouTube dan juga berjaya menduduki tangga pertama dalam 'trending' di YouTube 24 jam selepas Tayangan Perdana.

Menerusi lagu BAD, Dolla yang terdiri daripada empat orang ahli iaitu Angel, Sabronzo, Syasya dan Tabby masih 'setia' dengan tema memperkasakan wanita.

Menurut Syasya, mesej yang ingin disampaikan melalui lagu ini juga tidak jauh beza daripada lagu-lagu sebelum ini.

"Seperti lagu-lagu Dolla sebelum ini, BAD juga mempertaruhkan tema pemerksaan wanita. Ada yang mungkin akan menganggapnya sebagai lagu patah hati selesap tidak dilayan dengan baik oleh pasangan masing-masing."

"Ada juga yang mungkin menujuk lagu ini kepada

pasangan atau teman yang tidak pernah memberikan sokongan positif malah meragui diri masing-masing."

"Terdapat bait lirik lagu ini yang berbunyi 'You never met a woman just like me, you'll see, kau takkan pernah agak', yang boleh diinterpretasikan dengan pelbagai cara," katanya.

Seperti karya-karya mereka sebelum ini, BAD juga

menampilkan sebuah video muzik yang hebat.

"Walaupun memakan masa dua hari untuk disiapkan, ia satu usaha yang berbaloi. Dengan seni tari hebat bersama para penari kami serta banyak tangkap visual yang menarik, video ini benar-benar menunjukkan tenaga positif yang dihasilkan sepanjang penggambaran," kata Sabronzo.



DOLLA terus mengangkat martabat wanita.

Atmosfera Kuala Lumpur dicemari

Modal debu jana pendapatan lumayan

SUDAH acap kali dilaporkan bagaimana sindiket warga asing menjadi dalang kegiatan mengemis di bandar raya Kuala Lumpur. Menggunakan berbagai taktik untuk menarik perhatian ada yang pura-pura buta, kudung, cacat dan sebagainya. Mereka ini juga berbagai latar kewarganegaraan, ada yang dari China, Myanmar (Rohingya) dan Indonesia.

Tinjauan di sekitar Bukit Bintang antara Plaza Low Yat dan Plaza Kuala Lumpur mendapati ramai pengemis warga China yang meminta sedekah.

Ada juga pengemis warga kanak-kanak warga Myanmar (Rohingya) yang meminta sedekah sambil diperhatikan oleh ibu mereka di sekitar Pasar Seni menghala ke Jalan Petaling.

Kerja senang, dengan hanya menjadi tukang pimpin atau penarik mengurus pergerakan Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan yang mengemis di sekitar ibu kota, warga asing mampu memperoleh untung lumayan sehingga lebih RM2,000 sebulan.

Seorang tukang pimpin dikenali sebagai **Maria**, 38, yang berasal dari Madura, Jawa Tengah, Indonesia mengakui adakalanya dia boleh mendapat lebih RM100 sehari, bergantung hasil kutipan pengemis yang bekerja.

"Waktu kerja tak tentu dan biasanya bergerak bersama-sama dengan rakan pimpin lain untuk bawa orang buta jual tisu.

"Hasil pendapatan saya boleh kirim RM300 kepada keluarga di kampung dan bayar sewa rumah RM450 sebulan," kata Maria ketika disoal polis selepas ditahan dalam Operasi Op Pintas Bersepadu (Pengemis) di ibu negara baru-baru ini.

Bernama dalam laporan khas



PEMANDANGAN biasa dilihat di sekitar Jalan Chow Kit sehingga ke Jalan Tuanku Abdul Rahman yang menjadi tumpuan pengemis.

baru-baru ini mendedahkan aktiviti mengemis khususnya di Kuala Lumpur dan Shah Alam, Selangor tidak melibatkan kegiatan sindiket sebaliknya dilakukan secara 'sukarela' oleh pengemis untuk mendapatkan sumber pendapatan dengan cara mudah.

Maria walaupun cuba berdolak-dalik ketika disoal siasat, mengaku masuk ke negara ini menggunakan permit pembantu rumah pada 2018 sebelum menjadi tukang pimpin kepada OKU penglihatan yang dikenali sebagai Mustaqim sejak 2019.

Lebih mengejutkan, wanita yang berperwatakan lembut dan sentiasa bersolek itu juga mengaku menggunakan ilmu hitam dan pengasih untuk mengawangi Mustaqim yang sehingga kini menjadi sumber pendapatan utama beliau walaupun mereka telah berceraian.

Maria kini ditahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 kerana tinggal lebih masa di negara ini.

Menurut sumber polis, Maria akan bertemu Mustaqim atau rakan sekutunya di sebuah restoran di Brickfields untuk mengatur gerak kerja mereka.

"Maria dan Mustaqim biasanya akan duduk di restoran itu sebelum mengaturkan tugas bersama Mustaqim. Berdasarkan risikan, pengemis ini akan bertugas mengikut syif bermula 9 pagi, ada waktu rehat dan akan berakhir sebelum tengah malam," katanya yang menambah setiap syif dipercayai melibatkan tujuh OKU penglihatan dan tujuh pengiring.

Selepas selesai tugas mengemis, kumpulan ini akan kembali ke restoran berkenaan untuk pembahagian sama rata hasil kutipan antara pengemis dengan tukang pimpin.

Hasil pemerhatian wartawan Bernama yang turut menjelaki 'modus operandi' Maria, restoran berkenaan mungkin menjadi pilihan kerana kedudukannya yang strategik



dan agak terlindung selain berhampiran jalan utama dan pengangkutan awam seperti monorel, sekali gus memudahkan Maria mengatur pergerakan operasi.

Maria juga turut bekerjasama dengan pemandu teksi yang dipercayai warga tempatan untuk membawa pengemis dan 'tukang pimpin' ke lokasi mengemis di sekitar ibu kota.

Menurut polis, aktiviti mengemis menggunakan OKU penglihatan ini turut melangkaui sempadan negeri, termasuk hingga Seremban, Negeri Sembilan, semata-mata untuk mendapat hasil yang lumayan.

"Dipercayai kumpulan ini bukan melibatkan sindiket, tiada elemen paksaan kerana kita percaya OKU ini sukarela bekerja sebagai pengemis.

"Namun, hasil siasatan dipercayai wanita ini juga ada kemungkinan menggunakan ilmu hitam untuk memujuk OKU bersama beliau.

"Siasatan lanjut masih dijalankan bagi membongkar kegiatan mengemis melibatkan tukang pimpin warga asing ini," katanya.

Sementara itu, Mustaqim, 56, yang turut ditahan dalam operasi tersebut mengaku melakukan kerja mengemis secara sukarela kerana pendapatan yang lebih lumayan mencecah RM2,000 sebulan.

Bapa kepada empat anak ini yang tinggal di Damansara berkata setiap pagi dia akan ke Brickfields menemui Maria dan menganggap kerja menjual tisu sebagai punca rezeki utama untuk menampung kehidupan.

Operasi bersepada selama empat hari bermula 9 Feb itu bertujuan membersihkan Kuala Lumpur daripada aktiviti pengemis yang telah memberi imej kurang baik kepada negara selain menjadi keimbangan masyarakat. **W.K./BERNAMA**



LANDSKAP Bukit Bintang yang terletak di kawasan segi tiga emas Kuala Lumpur dicemari dengan aktiviti mengemis.

PICKids Labuan vaksinasi 11,600 kanak-kanak



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

KIRA-kira 11,600 kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun di sini, bakal menerima vaksinasi menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan untuk kanak-kanak (PICKids) bermula 7 Februari lalu.

Menurut Pengarah Jabatan Kesihatan Labuan, **Dr Ismuni Bohari**, program imunisasi itu dilaksanakan sepanjang bulan ini.

"PICKids ini walaupun atas dasar sukarela, kami menggalakkan ibu bapa membenarkan anak-anak mereka diberikan vaksin," katanya pada sidang media selepas pelancaran PICKids di Hospital Labuan, baru-baru ini.

Dr Ismuni berkata, pusat pemberian vaksin (PPV) yang sedia ada di Kompleks Darul Kifayah MAIWP akan dilanjutkan operasinya sehingga jam 8 malam pada hari bekerja.

Katanya, inisiatif itu dilakukan bagi memudahkan ibu bapa yang mempunyai kekangan (berkerja) untuk membawa anak mereka mendapatkan suntikan vaksin COVID-19.

"Kami boleh menubuhkan PPV lain seperti yang dipersekutui Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan di Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Lada dan SK Pekan 2 untuk melancarkan proses pemberian vaksin."

"Ibu bapa juga boleh mendapatkan vaksin di klinik swasta yang



ISMUNI (dua dari kanan, belakang) bersama 20 kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun yang merupakan kumpulan pertama menerima suntikan vaksin COVID-19 pada pelancaran PICKids, baru-baru ini.



SEORANG kanak-kanak kelihatan tenang ketika menerima suntikan vaksin COVID-19 serta disaksikan oleh Ismuni (dua dari kanan).

dibenarkan namun perlu membuat janji temu terlebih dahulu.

Terdahulu, seramai 20 kanak-kanak berumur lima hingga 11

tahun kumpulan pertama telah menerima suntikan vaksin COVID-19 menerusi PICKids yang dilancarkan pada 7 Februari lalu. **WK**

'Barber shop' dalam bas Ford Trader klasik jadi tarikan

SEBELUM ini, kebanyakan kedai gunting rambut atau 'barber shop' yang diketahui umum beroperasi di premis atau di lot kedai persendirian.

Namun, ia berbeza daripada kelazimannya apabila **Mohammad Effendi Jamali**, 36, dan **Alston Athur**, 29 merupakan rakan kongsi perniagaan Island Barbershop Bus membuka sebuah kedai gunting di dalam sebuah bas yang beroperasi di Tapak Food Truck Labuan.

Dengan menggunakan sebuah bas Ford Trader yang berusia hampir 60 tahun dan telah diubah suai menjadi kedai gunting rambut bergerak itu mendapat sambutan hangat masyarakat di sini khususnya golongan muda di pulau ini.



ALSTON (kanan) dan Effendi (kiri).

dengan menyediakan perkhidmatan secara kasual, moden dan santai menjadikan ia sebagai satu tarikan yang wajib dirasai oleh setiap golongan muda di pulau ini.

Menurut Alston, sejak mula dibuka pada awal Januari lalu, sambutan daripada pelanggan amat

memuaskan. Katanya, idea untuk memberi perkhidmatan gunting rambut bergerak tercetus apabila beliau dan rakannya cuba mencari penyelesaian masalah dalam kos perbelanjaan setiap bulan termasuklah kos sewa premis dan sebagainya. "Sejak mula beroper-

asi sambutan hangat dari pelanggan terutamanya golongan muda dan kami tidak menang tangan menerima pelanggan yang datang," katanya ketika ditemui *Wilayahku*, baru-baru ini.

Beliau berkata, pihaknya pada waktu ini hanya menerima pelanggan menerusi tempahan awal sahaja dan harga yang ditawarkan adalah RM20 untuk dewasa dan RM8 bagi kanak-kanak.

Sementara itu, Effendi berkata, Barberbus itu dilengkapi peralatan dan perabot yang berkualiti tinggi termasuk kemudahan pendingin hawa.

Katanya, pada masa sama, tukang gunting termasuk dirinya yang juga tukang gunting di kedai itu mempunyai kemahiran yang tinggi dari segi teknik pemotongan, penggayaan dan interaksi bersama pelanggan. **WK**



BAS berusia 60 tahun yang diubah suai dijadikan sebagai premis barbershop.

Sukan eratkan kerjasama penduduk dengan MAIWP

PERLAWANAN bola sepak di antara Kelab Kebajikan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Labuan dengan pemimpin masyarakat diterajui Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Labuan mampu mengeratkan hubungan silaturahim serta saling bekerjasama di antara warga MAIWP dengan pemimpin masyarakat di pulau ini.

Menurut Ahli Dewan Negara, **Senator Datuk Bashir Alias**, menerusi perlawan bola sepak, beliau yakin hubungan baik di antara kedua-dua pihak akan terus terjalin untuk menyumbangkan manfaat kepada masyarakat di sini.

"Ini adalah satu usaha yang baik untuk memastikan hubungan di antara MAIWP Labuan dan pemimpin masyarakat terus terjalin erat," katanya selepas menyaksikan perlawan bola sepak persahabatan di antara kedua-dua pasukan yang diadakan di Padang Sintetik Kompleks Sukan Labuan, Sabtu lalu.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan

Labuan, Mohammad Syahffie Japril; Pengurus MAIWP, Ustaz Md Fadzli Md Saad; Pengerusi MPP Zon Labuan, Mohd Dzulfaizal Ab Manan dan Presiden Persatuan Bola Sepak Labuan (LAFA), Sophian Said.

Pasukan pemimpin masyarakat Labuan yang diterajui MPP ditaris Ketua-Ketua Kampung, Pengerusi-Pengerusi MPP Sub Zon, Persatuan Penggiat Media Labuan dan LAFA.

Sementara itu, Mohd Dzulfaizal berkata, program berkenaan bertujuan mengeratkan kerjasama dan hubungan dengan MAIWP dalam menyelesaikan isu kebijakan serta keperluan asnaf di wilayah ini.

"MPP dan pemimpin masyarakat mengucapkan terima kasih atas usaha dan komitmen MAIWP membantu asnaf selama ini. Kami sedia bekerjasama membantu menjayakan program anjuran MAIWP Labuan," katanya.

Pada perlawan itu menyaksikan pasukan MAIWP telah menewaskan pasukan pemimpin masyarakat Labuan dengan jaringan 4-2. **WK**



BASHIR (tengah) bersama pasukan MPP dan MAIWP ketika perlawan persahabatan yang diadakan di Padang Sintetik Kompleks Sukan Labuan, Sabtu lalu.

Malaysia mampu milik untuk rakyat

MOHAMMAD NOORIZZUDDIN NOOH

BERAPA sebenarnya kos untuk hidup di Malaysia. Pasti ramai tertarik untuk tahu kerana sejak kebelakangan ini dikatakan hampir semua barang mengalami kenaikan mendadak.

Jika dihitung, banyak faktor sebenarnya menyebabkan berlaku fenomena ini. Namun realiti harus diterima, beberapa dapatan kajian menyatakan kita membelanjakan 40.5 peratus daripada pendapatan bulanan untuk membeli barang basah serta keperluan makanan peribadi dan keluarga.

Perbelanjaan kedua terbesar adalah untuk pembayaran sewa rumah kediaman sebanyak 19 peratus, diikuti pengangkutan sejumrah 17 peratus.

Andai mengikut pengiraan sebegini, katakan seseorang itu menerima gaji RM2,000 sebulan, maka RM810 dibelanjakan untuk barang makanan dan barang basah, RM380 untuk sewa rumah dan RM340 untuk perbelanjaan pengangkutan.

Persoalannya, masih wujudkah rumah disewakan pada kadar RM380, lebih-lebih lagi di kawasan bandar. Jika bujang, kemungkinan RM380 boleh dibelanjakan untuk menyewa bilik.

Di Malaysia, peningkatan dirasakan dalam kos sara hidup menjadi subjek perdebatan dan perbincangan berterusan, walaupun dalam tempoh inflasi rendah dan stabil. Sebaliknya kos sara hidup sering digunakan sebagai istilah menarik menggambarkan kesan lebih luas ke atas belanjawan isi rumah dan kesejahteraan individu

melangkaui kenaikan harga.

Oleh itu, kebimbangan mengenai kenaikan kos sara hidup dipengaruhi beberapa faktor. Harga perumahan mempunyai perbezaan paling ketara seluruh negeri dan kawasan bandar serta luar bandar, namun perbezaan harga yang besar untuk makanan, pakaian, perkhidmatan dan keperluan lain juga wujud di seluruh lokasi geografi.

Johor, Kuala Lumpur dan Selangor merekodkan kos sara hidup paling tinggi, manakala di Kedah, Kelantan dan Perlis lebih rendah. Pekerja golongan belia menghadapi pertumbuhan tidak stabil dalam pendapatan pekerjaan walaupun kelayakan pendidikan mereka meningkat.

Pertumbuhan gaji juga lembap bagi yang tidak mempunyai pendidikan tinggi, tanpa mengira umur. Melebarkan jurang pendapatan mutlak antara 40 peratus terbawah dan 20 peratus teratas agihan pendapatan juga, meningkatkan lagi sentimen bahawa wujudnya sekelompok golongan masyarakat yang ketinggalan.

Majoriti isi rumah tidak mempunyai simpanan kewangan mencukupi, manakala tekanan kewangan dirasai kebanyakan golongan bekerja tanpa mengira kumpulan umur dan lokasi.

Hutang peminjam berpendapatan rendah kebanyakannya digunakan untuk menyokong penggunaan harian, sama ada untuk kenderaan bermotor atau pembiayaan peribadi, bukannya pelaburan jangka panjang untuk mengumpul kekayaan.

Ada banyak cadangan boleh kita sama-sama fikirkan untuk

Kuala Lumpur dan Selangor merekodkan kos sara hidup paling tinggi, manakala di Kedah, Kelantan dan Perlis lebih rendah. Pekerja golongan belia menghadapi pertumbuhan tidak stabil dalam pendapatan pekerjaan walaupun kelayakan pendidikan mereka meningkat.

membantu dari segi jangka masa pendek dan panjang.

Antaranya, memperluas perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan pengaturan kerja fleksibel untuk keluarga B40 bagi memudahkan ibu bapa bekerja mencari rezeki.

Kita juga boleh mewujudkan aplikasi perancangan kewangan secara percuma yang boleh diakses semua. Masyarakat juga boleh mengukur kemampuan pembelian perumahan yang lebih tepat, mempertimbangkan lokasi, penawaran dan permintaan perumahan, bukannya bergantung kebanyakannya kepada pendapatan median dan harga rumah.

Dari segi tanggungjawab kerajaan pula, mereka perlu menjajarkan semula pelaburan dan insentif pengambilan pekerja ke arah penciptaan pekerjaan berkualiti tinggi, di samping memperluas pendidikan awal kanak-kanak dan menggalakkan pembelajaran



PENDUDUK di Kuala Lumpur dan Selangor mencatatkan kos sara hidup tinggi berbanding beberapa negeri di Malaysia.

sepanjang hayat serta peningkatan kemahiran.

Selain itu, kerajaan perlu memperkuuh perlindungan pengguna dan menggalakkan tingkah laku lebih bertanggungjawab oleh bank dan institusi kewangan lain, di samping meningkatkan insentif kewangan untuk menggalakkan simpanan persaraan.

Segala insentif perlu mengutamakan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana dalam dasar dan program perumahan serta memperkuuh penyelaras merentas kerajaan

persekituan, negeri dan tempatan dalam dasar serta perancangan perumahan.

Pelarasan gaji minimum mungkin dianggap penyelesaian, namun ia akan membuka beberapa permasalahan dari perspektif industri. Maka, cadangan di atas perlu diambil kira dalam kita menjadikan Malaysia mampu milik untuk diduduki rakyatnya sendiri.

Penulis adalah Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Ibu bapa pengawal kemunculan karies gigi kanak-kanak

DR NOR AZLIDA MOHD NOR, DAN ZAMROS YUZADI MOHD. YUSOF

DATA daripada kajian kesihatan mulut kebangsaan menunjukkan bahawa tujuh daripada 10 kanak-kanak berumur lima tahun mengalami kerosakan gigi (karies) pada gigi susu mereka. Walaupun terdapat program penjagaan kesihatan mulut prasekolah di Malaysia sejak tiga dekad yang lalu, pengurangan karies di kalangan kanak-kanak prasekolah menurun pada kadar yang sangat perlahan berbanding kumpulan umur yang lain. Umum mengetahui bahawa kerosakan gigi mempunyai kesan negatif terhadap kualiti hidup kanak-kanak seperti kesakitan, ketidakselesaan, kesukaran untuk makan, masalah semasa tidur dan gangguan aktiviti harian. Masalah gigi anak-anak juga akan mengganggu ibu bapa dan memberi impak dari sudut kewangan bagi mendapatkan rawatan yang lebih kompleks di kemudian hari.

Walaupun masalah kerosakan



BAKTERIA pada plak menjadi penyebab utama terjadinya karies gigi.

gigi ini sebenarnya boleh dicegah, untuk anak-anak kecil mereka masih memerlukan bantuan ibu bapa kerana belum berupaya untuk melakukannya sendiri. Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan penting untuk mewujudkan amalan kesihatan gigi yang baik di awal usia kehidupan anak-anak mereka.

Bukti saintifik menunjukkan status kebersihan dan kesihatan mulut ibu bapa itu sendiri menentukan sejauh mana mereka akan melibatkan diri dalam menggalakkan penjagaan kesihatan mulut di rumah. Amalan

kebersihan mulut yang baik untuk golongan kanak-kanak akan diperkuuh lagi di sekolah dengan sokongan daripada guru.

Kajian tempatan yang dilakukan penulis dan pasukan penyelidik kami di Kampar, Perak menunjukkan program kesihatan pergigian prasekolah yang merangkumi penyertaan aktif ibu bapa mampu menurunkan peratus plak gigi kanak-kanak dengan ketara, berbanding dengan penglibatan ibu bapa yang rendah. Data kajian juga menunjukkan penglibatan ibu bapa dalam program ini dapat membantu

penurunan kadar pengambilan makanan dan minuman manis di kalangan kanak-kanak tadika. Kajian ini merupakan kerjasama Fakulti Pergigian, Universiti Malaya dan Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan Negeri Perak dalam usaha meningkatkan taraf kesihatan mulut di kalangan murid-murid tadika.

Berdasarkan penemuan kajian ini, cadangan utama yang dikemukakan untuk meningkatkan kesihatan mulut kanak-kanak prasekolah di Malaysia adalah dengan memperkasakan peranan ibu bapa, penglibatan guru dalam aktiviti kesihatan pergigian di sekolah dan mengukuhkan peranan pengamal pergigian. Seperti yang diketahui, rawatan pergigian sahaja tidak dapat menyelesaikan punca utama penyakit-penyakit mulut. Ia perlu dilengkapi dengan amalan pencegahan di rumah dalam rutin sehari-hari.

Bak kata pepatah 'mencegah lebih baik dari mengubati'. Ibu bapa dijalankan untuk memberus gigi bersama anak-anak kecil, memantau aktiviti memberus gigi

mereka, dan memberi galakan berterusan untuk meneruskan rutin harian yang positif. Amalan pencegahan seperti memberus gigi dua kali sehari untuk tempoh dua minit, penggunaan ubat gigi berfluorida, serta mengurangkan pengambilan makanan dan minuman bergula adalah sangat dijalankan untuk dilakukan sekeluarga.

Perkara ini menjadi amat mustahak, lebih-lebih lagi semasa tempoh pandemik COVID-19. Ini kerana banyak perkhidmatan pergigian sekolah telah tergendala, dan rawatan di klinik pergigian baik swasta mahupun kerajaan pula memberi keutamaan kepada rawatan pergigian kecemasan sahaja.

Wahai ibu bapa, marilah kita sama-sama bekang karies gigi dan pastikan barisan gigi comel itu kekal cantik dan sihat untuk seumur hidup mereka kelak.

Penulis merupakan pensyarah dan penyelidik di Fakulti Pergigian, Universiti Malaya, dan boleh dihubungi di azlida@um.edu.my

Aksi lincah Pesilat Malaysia bakal gegar pawagam 17 Februari ini

Filem Syahadan angkat seni silat Melayu



HAZIRAH HALIM

WARISAN budaya dari negara nusantara Indonesia iaitu seni silat merupakan satu seni mempertahankan diri yang sekian lama diwarisi oleh nenek moyang kita. Namun, ia semakin ditelan zaman kerana masih ramai masyarakat terutama golongan muda terasa asing dengan seni bela diri ini.

Demi memenuhi harapan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) dalam memartabatkan seni silat ke layar perak, filem Syahadan akhirnya bakal ditayangkan bermula 17 Februari (khamis) ini.

Istimewanya filem pertama terbitan Trilion Marketing Sdn Bhd ini, ia menampilkan barisan pelakon yang terdiri daripada pesilat negara, Al-Jufferi Jamari (Omar) sebagai teraju utama bersama penglibatan pelakon veteran Anuar Rahman (Pak Daud), Bob Megat iaitu bapa kepada Omar serta pesilat-pesilat kebangsaan.

Filem Syahadan diterbitkan dengan kerjasama Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia



PELAKON veteran, Anuar Rahman (kiri) bersama Datuk Dr Fairus Hussin (dua kiri), Dr Ahmad Sani dan Al-Jufferi Jamari (kanan) dalam sidang media filem Syahadan, pada Sabtu.

(PESAKA) adalah cetusan karya oleh Datuk Dr Fairus Hussin dan Halim Hassan yang bertujuan mengangkat seni bela diri warisan Melayu serta menambah pengetahuan melalui cerita ini.

"Syahadan adalah sebuah filem aksi yang mengetahkan seni persilatan dari pelbagai aspek budaya pengamal ilmu silat dan lebih mengujakan apabila filem ini menampilkan Jaguh Silat negara, Al-Jufferi Jamari sebagai watak utama," jelas Ketua Aktivis MAPIM, Dr

Ahmad Sani Araby Al Kahery.

Beliau ditemui pada sidang media majlis tayangan perdana filem Syahadan di TGV One Utama Centre, Bandar Utama, pada Sabtu. Dalam majlis tersebut, Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah turut mencemar duli berangkat ke tayangan tersebut.

Bersesuaian dengan maksud di sebalik nama Syahadan, karya ini mengangkat kisah tentang seorang anak muda, Omar (Jufferi Jamari) yang hidup tanpa arah tujuan serta

diserapi unsur hedonisme. Demi mendisiplinkan Omar, bapanya, Pak Daud (Bob Megat) menghantar Omar ke sebuah kampung bagi memperbaiki akhlak dan menjadi insan berguna kepada masyarakat melalui kaedah persilatan.

"Pada awalnya, Omar seakan menentang sehingga pada suatu hari hatinya terbuka selepas melihat Pak Daud (Anuar Rahman) berjaya menumpaskan empat orang samseng yang bersenjata dalam sekilip mata di warung dengan menggunakan ilmu

persilatan. Sepanjang sesi latihan persilatan bersama Pak Daud, Omar bukan sekadar berlatih gerak serta kekuatan, tetapi ia adalah cara hidup bagi membentuk akhlak terpuji.

"Walau bagaimanapun, kisah silam yang disembunyikan ayah Omar saat dia kecil yang menjalani pembedahan menggunakan khidmat pemerdagangan organ antarabangsa di pasaran gelap mula menjemput penjenayah dalam hidupnya," jelasnya.

Tambahnya, filem ini telah dilamar oleh sebuah produksi serta agensi dari negara Turki yang berhasrat untuk menghasilkan siri kedua dengan menampilkan barisan pelakon terkenal atau mereka berkemahiran dalam silat serta kandungan aksi lebih padat.

Dalam pada itu, beliau memberitahu para media pada 17 hingga 20 Februari ini, barisan pelakon akan bersampin, tanjak, bertengkolok untuk bersama-sama anda menonton filem ini di pawagam berhampiran.

Buat pencinta seni warisan Melayu, ayuh bersama-sama saksikan filem yang memartabatkan seni bela diri dengan penceritaan yang bersesuaian dan dekat kehidupan masyarakat. Filem Syahadan bakal menemui anda di 41 pawagam berhampiran anda bermula Khamis. WK

Jufferi cabar diri angkat kesenian melayu dalam lakonan

PERNAH dilamar sebuah produksi selama enam tahun, Jaguh silat negara, **Muhammad Al-Jufferi Jamari**, 30, akhirnya membuat keputusan untuk memegang watak utama dalam filem aksi terbaru iaitu Syahadan.

Menerusi filem ini, Jufferi yang berperanan sebagai Omar harus meletakkan watak-watak yang bersesuaian khususnya elemen-elemen yang dapat mengangkat seni silat Melayu ini.

"Cabaran yang saya hadapi dalam melaksanakan filem Syahadan ialah harus membawa elemen dan pemahaman seni silat sebenar agar falsafah seni mempertahankan diri ini mampu membuatkan orang ramai terdetik untuk mempelajari, mendalami dan menyokong warisan budaya ini.

"Setiap aksi yang dilakukan bukanlah sekadar untuk lakonan semata-mata sebaliknya pergerakan dari segi buah, tumbukan, mimik muka ketika bertempur adalah benar. Dalam silat memang dah diterapkan



ANTARA adegan babak yang menyaksikan Jufferi membuat latihan beberapa kali dalam filem Syahadan.


ilmu seni itu jadi kalau kita buat betul-betul, kita akan tahu kesakitan sebenar," katanya kepada *Wilayahku*.

Dalam pada itu, Jufferi turut mengucapkan terima kasih kepada pelakon veteran, Anuar Rahman di atas didikan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang menjayakan filem Syahadan.

"Abang Anuar Rahman banyak mengajar saya tentang cara untuk menghayati watak, mengawal mimik muka memandangkan saya

ialah seorang atlet dan tidak mempunyai sebarang pengalaman berlakon. *Alhamdulillah*, akhirnya dalam masa empat hari saya berjaya buat 20 babak," kongsinya lagi.

Perkembangan terbaru, pesilat negara itu telah pun dilamar oleh produksi Turki untuk menyambung siri kedua filem ini serta beliau juga sedang dalam persiapan untuk menghadapi kejohanan-kejohanan Silat yang mendatang. WK



SYAHADAN

MANUSIA TANPA MARUAH MANUSIA HINA

فَرْمُولَنْ جَرِيَّة

SEBUAH KARYA FILEM SILAT
DATUK DR FAIRUS HUSSAIN & HALIM HASSAN

17.02.22
AKAN DATANG DI PAWAGAM

Hayati panorama landskap di Tangga Putrajaya

DIANA AMIR
Foto: SYUQQREE MOHD DAIN

BARU sahaja siap sepenuhnya pada bulan lalu, Tangga Putrajaya yang merupakan salah satu produk pelancongan dan rekreasi baru di Putrajaya telah pun berjaya mendapat pengiktirafan *Malaysia Book of Records* (MBOR).

Dua kejayaan besar tersebut dicatatkan dalam dua kategori iaitu *The Longest Stairway In A Public* dan *Biggest Projection Mapping on Stairway* yang diperoleh pada 28 dan 29 Januari yang lalu.

Kejayaan tersebut secara tidak langsung melahirkan rasa bangga buat pasukan Jabatan Landskap Dan Taman, Perbadanan Putrajaya (PPj) yang diketuai Pengarah Perancangan Dan Pembangunan Taman, **LAr Haslinda Khalid**.

Bagi menyoroti lebih lanjut konsep dan reka bentuk tangga dari perspektif seni bina landskap dan perancangan masa depan Tangga Putrajaya, mari kita ikuti temubual lanjut **Wilayahku** bersama beliau.

WILAYAHKU: Apakah konsep yang ingin diketengahkan pada Tangga Putrajaya?

PPj: Konsep dan reka bentuk tangga juga menyerapkan elemen mesra alam (*environmental friendly*), mesra pengguna (*user friendly*) dan mampan (*sustainable*) selaras dengan konsep keseluruhan Putrajaya.

Maka konsep keseluruhannya adalah *“Diversity: Embracing the Existing Surrounding”* yang mengambil kira keadaan tapak dan persekitaran sedia ada agar reka bentuk tangga menjadi



HASLINDA (tengah) bersama tim bergambar di Tangga Putrajaya.

sebahagian dari landskap yang ada dan mewujudkan suasana harmoni dengan pembangunan Taman Putra Perdana.

Reka bentuk tangga ini adalah berunsurkan kontemporari dengan pilihan kemasan yang mudah dan teratur (*simple and neat*) agar dilihat sebagai tumpuan (*focal point*) dan kesinambungan laluan pejalan kaki bermula dari Hotel Pulse Grande menuju ke Mercu Tanda turun melalui Laman Perdana untuk ke Dataran Putra.

WILAYAHKU: Dari segi teknikal pula, apakah konsep yang digunakan?

PPj: Dari segi teknikal, Tangga Putrajaya mempunyai 14 pemukaan rata (*landing*) dan empat plaza yang dibina mengikut keadaan bentuk muka bumi sedia

ada bagi meminimumkan kerja-kerja pengorekan, pemotongan dan penambahan tanah di mana kaedah ini juga dapat menjimatkan kos pembinaan secara keseluruhan.

Dengan ketinggian anggaran 30 meter dan jarak pendakian sejauh lebih 200 meter, struktur tangga ini berbentuk landai dan selesa bagi aktiviti pendakian dan penurunan.

WILAYAHKU: Bagaimana sistem perparitan di kawasan tersebut memandangkan ia berada di kawasan cerun?

PPj: Kawasan tangga di atas cerun ini amat

menitikberatkan aliran air yang turun ketika hujan lebat agar tidak bertakung di atas permukaan tangga. Oleh yang demikian, pembinaan saliran tanah semula jadi (*bio swale*) di kiri dan kanan tangga akan segera mengalirkan air hujan ke longkang sedia ada di bahagian bawah tangga. Permukaan saliran tanah semula jadi ini juga ditanam dengan tumbuhan renek dan rumput bagi menampakkan kehijauan di sepanjang kawasan tangga.

WILAYAHKU: Adakah pemilihan warna tangga mempunyai maksud tersendiri?

PPj: Pemilihan warna kelabu gelap sebagai warna utama untuk kemasan tangga adalah untuk mewujudkan suasana yang kontra dengan persekitaran sedia ada yang didominasikan oleh landskap lembut atau tanaman.

Selain itu, pemilihan pokok-pokok renek yang mempunyai pelbagai warna disusun di dalam kotak tanaman di tengah-tengah tangga dan 135 pokok Tekoma (*Tabebuia rosea*) yang mengeluarkan warna merah jambu ditanam di kiri dan kanan sepanjang jajaran tangga tersebut. Ini akan memberikan satu pemandangan musim bunga yang indah apabila pokok-pokok besar dan berbunga mengikut musimnya pada masa akan datang.

Sementara itu, pemilihan corak *geometri* yang berunsur islamik dengan penggunaan warna cat yang terang diaplikasikan di atas permukaan lantai plaza-plaza yang ada. Warna biru yang digunakan adalah refleksi dari warna langit dan warna

merah adalah warna langit ketika waktu senja. Manakala warna hijau adalah sebahagian warna dari logo Perbadanan Putrajaya.

WILAYAHKU: Apakah kemudahan lain yang disediakan di Tangga Putrajaya?

PPj: Sebanyak 46 buah lampu taman dipasang untuk memberi pencahayaan yang menarik pada waktu malam. Reka bentuk yang mudah dan tiang berwarna kelabu menampakkan reka bentuk moden selain berfungsi untuk menggantung bendera hiasan (bunting) dan pokok gantung.

Kemudahan rel tangan juga dipasang di sepanjang jajaran tangga sebagai peralatan kepada pengunjung yang memerlukan sokongan ketika menaiki dan menuruni tangga.

Selain itu, reka bentuk tangga juga memasukkan trek basikal di kiri dan kanan tangga untuk memudahkan pengunjung berbasikal menaiki dan menuruni tangga tanpa perlu memikul basikal mereka. Peletakan bangku-bangku taman juga disusun secara berasingan dan mempunyai jarak sebagai langkah mengambil kira keperluan ketika situasi pandemik COVID-19 dan penjarakan sosial.

WILAYAHKU: Apa perancangan masa depan dalam menarik lebih ramai pengunjung?

PPj: Beberapa perancangan sedang dilakukan untuk memastikan Tangga Putrajaya menjadi lokasi wajib singgah pelancong. Antaranya pelbagai acara sukan, rekreasi, pesta bunyi dan cahaya boleh dianjurkan di kawasan ini.

Selain dari itu, kita akan wujudkan kios-kios makanan dan minuman, peralatan senaman serta permainan kanak-kanak agar lebih ramai pengunjung datang untuk meluangkan masa dan menjalani kehidupan yang sihat di Putrajaya.



Mahu lakar sejarah antarabangsa

Shamine Azureen impi ke Olimpik

SABRINA SABRE

MEMASANG impian untuk beraksi di pentas Olimpik suatu hari nanti, pemain muda hoki Wilayah Persekutuan, Nur Shamine Azureen Mohammed Badusha, 17, menjadikan pemain hoki Australia, Jamie Dwyer sebagai idolanya.

Baginya, untuk sampai ke tahap itu, dia perlu bekerja keras di samping memberi komitmen yang sangat tinggi sama seperti yang dilakukan idolanya itu.

"Selain Jamie Dwyer, saya turut terinspirasi dengan jurulatih saya sendiri iaitu Kannagi Arumugam. Seperti yang semua sedia maklum, beliau merupakan bekas pemain skuad wanita negara.

"Kannagi pernah beraksi bersama pasukan negara ketika memenangi emas dalam Sukan SEA 2007 di Thailand dan juga beberapa temasya besar seperti Sukan Asia dan Sukan Komanwel.

"Mungkin saya akan mengambil masa bertahun-tahun berusaha untuk melayakkan diri ke Olimpik, namun ia amat



berbaloi memandangkan ini adalah jalan yang saya pilih dan banggakan," katanya kepada *Wilayahku*.

Dia yang mula aktif dalam sukan hoki sejak berumur 10 tahun mengakui disiplin yang ketat perlu untuk memastikan dirinya berjaya kelak.

"Sesi latihan hoki sebanyak enam hari seminggu. Tiada kompromi. Melakukan senaman fizikal adalah wajib dan saya tidak kisah berkorban masa dan tenaga ke arah itu.

"Selain itu, ketahanan mental juga memainkan peranan yang penting. Saya perlu bersedia memberi 100 peratus fokus sebelum beraksi untuk mengelakkan sebarang kecederaan," tambah anak keempat daripada enam orang adik-beradik ini.

Bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun hadapan, pelajar jurusan Sains Sukan ini pandai membahagikan masa di antara pelajaran dan sukan.

"Biasanya latihan akan bermula sebelah petang, jadi saya akan menggunakan

Pencapaian Nur Shamine Azureen

2021 - Kejohanan Hoki Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM)

- Naib Johan

2019 - FHE CUP Perth, Australia

- Naib Johan

2019 - Kejohanan Hoki Bawah 16 Tahun Kebangsaan - Johan

2019 - Kejohanan Hoki Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM)

- Naib Johan



NURShamine Azureen(kanan) dalam satu kejohanan hoki baru-baru ini.

waktu di sebelah malam untuk mengulang kaji pelajaran dan mengikuti kelas tambahan secara atas talian.

"Perlu pandai curi masa untuk belajar kerana saya ingin kedua-duanya berjalan seiringan. Kalau boleh, satu hari nanti saya mahu orang mengenali saya sebagai atlet yang bijak," ujar pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Titiwangsa ini. WK

106 pasukan rebut Piala Wilayah Persekutuan sempena SHWP 2022

SABRINA SABRE

LEBIH 800 peserta menyertai Kejohanan Futsal Piala Wilayah Persekutuan yang berlangsung di Kompleks Futsal Mokhtar Dahari, Presint 18, Putrajaya baru-baru ini bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2022.

Sebanyak 90 pasukan bagi kategori lelaki berentap untuk merebut hadiah kejuaraan bernilai RM3,000 berserta piala dan pingat dalam kejohanan sementara sebanyak 16 pasukan wanita merebut hadiah wang tunai sebanyak RM2,000

bersama piala dan pingat.

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) dalam satu kenyataan memaklumkan, kejohanan tersebut dapat menghidupkan kembali semangat kesukanan dalam kalangan anak muda di Wilayah Persekutuan.

"Satu lagi pertandingan di Labuan yang dijadualkan pada 19 Februari lalu terpaksa ditangguhkan serta-merta susulan peningkatan kes COVID-19 yang melanda seluruh negara bagi mengelakkan penularan."

Juara pasukan lelaki dan juara pasukan kategori wanita di

Kejohanan Futsal Piala Wilayah Persekutuan akan dibawa ke Labuan bagi menyertai pusingan *Grand Final* untuk menentang juara pasukan yang menang di Labuan yang dijadualkan pada 26 Februari akan datang.

"Namun kejohanan itu terpaksa ditangguhkan ke satu tarikh yang masih belum diumumkan," tulis kenyataan tersebut.

Terdahulu, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim turut hadir pada Majlis Perasmian Kejohanan Futsal Piala Wilayah Persekutuan bagi melakukan 'kick off' pertandingan. WK



MSC sedia terima ahli gabungan serta PSM

ENTITI baru sepak takraw tanah air, Konfederasi Sepaktakraw Malaysia (MSC) berlapang dada untuk menerima ahli gabungan 'abang besarnya' iaitu Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM) menyertai badan induk itu.

Presiden Jawatankuasa Penaja MSC, **Datuk Seri Khairudin Es Abd Samad** berkata MSC tidak meletakkan sebarang syarat kepada mana-mana persatuan negeri yang berminat untuk menyertai mereka.

"Kita tiada niat untuk bersaing dengan mana-mana persatuan, jika kami diterima oleh persatuan antarabangsa, itu akan menjadi titik permulaan sepak takraw Malaysia untuk terus maju," katanya kepada *Bernama*.

Khairudin yang juga Presiden Persatuan Sepaktakraw Wilayah Persekutuan Putrajaya berkata pihaknya masih dalam proses bagi memastikan badan induk itu mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Katanya, selepas tertubuhnya MSC pada 10 Februari lepas, segala proses awalan pembubuhan persatuan kini giat dilaksanakan sebelum permohonan untuk menjadi ahli gabungan Persekutuan Sepak Takraw Asia (ASTAF) dibuat.

"Saya meletakkan semua keputusan kepada badan-badan

antarabangsa untuk memutuskan dalam memilih badan induk yang akan mewakili Malaysia nanti," katanya sambil memaklumkan MSC telah mendapat sijil perakuan pendaftaran dari pada Pejabat Pesuruhjaya Sukan pada 10 Februari.

Pada Mei tahun lepas, ASTAF menyingkirkan PSM sebagai ahli gabungan selepas didapati bersalah susulan tindakan bekas presiden badan induk itu, Datuk Seri Ahmad Ismail atas kapasitinya sebagai Timbalan Presiden ASTAF menghantar surat kepada Majlis Olimpik Asia (OCA) dan Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) pada 24 Februari tahun lepas.

ASTAF melihat tindakan itu jelas melanggar perjanjian untuk mematuhi segala objektif dan perlombongan Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (ISTAF) dan ASTAF seperti diimperati pada 14 Mac 2008.

Sebagai rekod, enam persatuan negeri di bawah MSC adalah Persatuan Sepak Takraw Selangor, Persatuan Sepak Takraw Wilayah Persekutuan Putrajaya, Persatuan Sepak Takraw Sarawak, Persatuan Sepak Takraw Perlis, Persatuan Sepak Takraw Kedah dan Persatuan Sepak Takraw Wilayah Persekutuan Labuan. - BERNAMA





Shamine Azureen
impi ke Olimpik ►► 23

Inisiatif 1C1R praktis amalan kitar semula

Tukar sampah dapat potongan sewa

INISIATIF pertukaran sampah kepada potongan bayaran sewa rumah dan barang keperluan asas menerusi 1C1R (1 Community 1 Recycle) mampu menarik minat masyarakat mempraktikkan amalan kitar semula, sekali gus memberi impak kepada kualiti alam sekitar.

Menerusi inisiatif menggunakan konsep sistem barter itu, penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang membawa barang kitar semula ke kios 1C1R akan mendapat mata ganjaran atau 'green coin' yang boleh dikumpul dari semasa ke semasa dan kemudian ditukar kepada pembayaran sewa rumah serta barang keperluan harian.

Misalnya, setiap satu kilogram (kg) sisa tin aluminium yang me-wakili 12 mata ganjaran boleh ditukar dengan sepaket gula, manakala setiap satu kilogram minyak masak terpakai akan ditukar kepada mata ganjaran bernilai sekitar RM2, yang jika dikumpul sehingga 1,240 mata ganjaran (50 kg) boleh ditukarkan kepada sewa bulanan bernilai RM124.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah**, berkata inisiatif rintis yang mulia dilaksanakan di lima PPR sejak Oktober tahun lepas itu juga dilihat sebagai langkah untuk meringankan beban warga kota serta kaedah alternatif kepada penyewa PPR Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)



KEWUJUDAN kios 1C1R di PPR bertujuan melahirkan komuniti yang cakna terhadap alam sekitar dan pada masa sama dapat mengurangkan kos sara hidup.



MAHADI

terutama golongan B40.

"Jadi secara tidak langsung ia akan dapat menjadi alternatif buat mereka yang tak mampu bayar sewa sekali gus mengurangkan jumlah mereka yang mempunyai tunggakan, walaupun sewa hanyalah RM124 ada yang tak mampu dan punya kekangan untuk bayar," katanya.

Mahadi berkata projek rintis menawarkan pertukaran barang kitar semula kepada barang keperluan asas seperti minyak masak dan tepung dijalankan di PPR Seri Alam, PPR Beringin dan PPR Seksyen 2 Wangsa Maju manakala seminggu sekali bagi PPR Pekan Kepong dan PPR Wangsa Sari.

PPR dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Sosio Ekonomi dan Alam Sekitar di PPR Pekan Kepong dan PPR Wangsa Sari.

Katanya, kutipan barang kitar semula itu dibuat mengikut jadual iaitu dua atau tiga kali seminggu bagi PPR Seri Alam, PPR Beringin dan PPR Seksyen 2 Wangsa Maju manakala seminggu sekali bagi PPR Pekan Kepong dan PPR Wangsa Sari.

Beliau berkata DBKL akan mewujudkan tiga lagi kios menjelang hujung tahun ini bagi memastikan setiap Parlimen di Kuala Lumpur mempunyai kios terbabit sekali gus meluaskan penglibatan lebih ramai warga kota.

Sementara itu, Timbalan



GAMBAR fail.

Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Wangsa Sari Mazlan Abdul Latif, berkata pelaksanaan itu diilah dapat memberi kesedaran kepada penduduk selain menggalakkan amalan kitar semula.

"Harga sekilo minyak masak baharu pun sekitar RM2, daripada kita buang ke rumah sampah lebih baiklah kita beri kepada kios seperti ini, seolah-olah dapat semula nilai minyak yang telah digunakan selain tidak mencemarkan alam," katanya.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga PPR Beringin Che Roziani Mohd Shariff pula berkata inisiatif itu bukan sahaja memudahkan penduduk menyerahkan barang kitar semula malah

menyumbang kepada persekitaran perumahan yang lebih bersih dan kemas, selain membantu penjanaan pendapatan sampingan.

"Selalunya penduduk suka kumpul barang kitar semula ini di koridor dan bawah tangga sementara nak dijual kepada vendor yang selain tidak bersih ia juga menghalang laluan, tapi sekarang lebih cepat dan mudah hantar ke sini (kios)," katanya.

Barangan kitar semula seperti tin, kertas dan plastik akan dijual semula kepada vendor kitar semula manakala minyak masak terpakai antara lain dijadikan bahan kajian untuk pembangunan penukaran menjadi biodiesel. **WK**

M. Nasir kembalikan jati diri bangsa Melayu

DEEL ANJER

TIDAK pernah mengecewakan. Begitulah diibaratkan lagu-lagu nyanyian Datuk M. Nasir.

Terbaru, M. Nasir muncul dengan lagu Senandung Melayuku ciptaannya bersama Brad Parker dan lirik oleh Keon.

Menurut Keon, lagu yang dihasilkan pada tahun 1998 dan diterbitkan semula ini mempunyai maksud yang mendalam dan tersirat.

"Senandung Melayuku adalah sebuah gambaran dan peringatan kepada bangsa Melayu hari ini yang pernah melalui zaman kegemilangan."

"Melayu adalah bangsa yang mel-

aluai pelbagai ujian dan dugaan. Dalam masa yang sama, agama Islam dijadikan pendinding diri."

"Selain itu, Senandung Melayuku juga menceritakan tentang takkan hilang adat dan bahasa walau apa pun yang terjadi," katanya kepada Wilayahku.

Sebagai penulis lirik, Keon turut mengingatkan bangsa Melayu bahawa pegangan terhadap agama Islam harus kukuh.

"Jika terus dihayati bait-bait lirik Senandung Melayuku, ia menasihatkan kita agar sentiasa berhati-hati menilai akal dan nafsu agar kita semua memperoleh keredaan-Nya."

"Harus diingat, hanya ilmu saha-

ja yang dapat menyelamatkan kita

"Insya-Allah, semoga kita semua terus berada dalam rahmat Allah," tambahnya lagi.

Keon juga meluahkan rasa terha-

ru apabila M. Nasir yang dianggapnya

sebagai lagenda muzik sudi bekerja-

ma dengannya.

"Bila diminta menulis lirik un-

tuk lagu Senandung Melayuku,

saya terkejut. Tak sangka dia

minta saya menulis lirik lagu yang dia sendiri akan

nyanyikan," ujar Keon.

Kongsinya lagi, se-

lama bersama dan

membantu kerjaya

muzik M. Nasir, dia

tidak pernah memin-

ta atau bertanya untuk

menghasilkan lirik lagu

buat beliau. **WK**



KEON



M. NASIR